



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN HAJAH ZABEDAH BINTI OSMAN
TOKOH ANUGERAH GURU PAHANG**

OLEH:

MARDIANA IKHMAR BINTI NORAZLI	2018222026
NUR AZILAH BINTI AHMAD NIZAM	2018641168

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN HAJAH ZABEDAH BINTI OSMAN
TOKOH ANUGERAH GURU PAHANG**

OLEH:

MARDIANA IKHMAR BINTI NORAZLI	2018222026
NUR AZILAH BINTI AHMAD NIZAM	2018641168

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kami ingin mengucapkan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan sepenuhnya setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan. Sepanjang menyiapkan tugas ini, kami sedar bahawa tugas ini banyak menguji kami dengan pelbagai perkara termasuklah semasa mencari maklumat berkaitan dengan tokoh yang dipilih.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah kami iaitu Madam Nurulannisa Abdullah yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menyiapkan tugas ini. Segala jasa yang diberikan oleh beliau kepada kami tidak akan dapat kami lupakan dan manfaatkan dengan sepenuhnya.

Di kesempatan ini juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Puan Hajah Zabedah binti Osman di atas kesudian beliau ditemuramah dan meluangkan masa serta berkongsi tentang pengalaman beliau sepanjang perkhidmatannya dalam bidang pendidikan.

Akhirnya sekali, ucapan terima kasih juga kami ingin tujukan kepada keluarga kami yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dari segi mental dan fizikal dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Segala jasa dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung akan kami sentiasa kenang dan hargai sepanjang masa.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vii
Biodata Tokoh.....	viii-x
Pengenalan.....	xi-xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2-5
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	5-13
Bahagian 3: Pekerjaan Awal Tokoh.....	13-20
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	20-26
Bahagian 5: Anugerah.....	26-32
Bahagian 6: Sumbangan.....	32-33
Bahagian 7: Harapan.....	33-48
Rujukan.....	49
Lampiran	
Log Wawancara.....	51-54
Diari Kajian.....	55-62
Senarai soalan.....	63-68
Surat Perjanjian.....	69
Gambar.....	70
Indeks.....	71-72

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi wawancara sejarah lisan yang dijalankan ke atas seorang tokoh pendidikan iaitu Puan Hajah Zabedah binti Osman bagi mengetahui maklumat berkaitan beliau mengenai sejarah perkhidmatan dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan. Wawancara telah dijalankan di rumah beliau iaitu di Pekan, Pahang. Beliau telah dilahirkan di Kampung Benta, Langgar, Pekan. Sepanjang perkahwinan beliau dengan Allahyarham Saadon bin Haji Yaacob, beliau telah dikurniakan dengan 5 orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Lembing dan menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Sungai Lembing dan Sekolah Menengah Abdul Rahman Tali. Beliau memulakan karier dalam bidang pendidikan pada tahun 1977 di SMK Sungai Lembing dan diikuti dengan lima buah sekolah lain di Pahang sehingga tahun 2006. Sekolah pertama beliau dilantik menjadi seorang pengetua ialah di SMK Nenasi, Pekan. Selepas bersara daripada guru, beliau terlibat juga berkhidmat di bawah Pejabat Pelajaran Daerah Rompin dan Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dari tahun 2007 sehingga 2011. Pelbagai anugerah yang telah diterima oleh beliau antaranya anugerah Tokoh Guru Pahang pada tahun 2016. Transkrip ini juga menghuraikan tentang sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan juga harapan beliau terhadap generasi muda pada masa kini.*

Kata kunci: *tokoh guru, pendidikan, generasi muda, guru, pelajar*

ABSTRACT

Abstract: *This transcript contains an oral history interview conducted on an educational figure, namely Puan Hajah Zabedah binti Osman to find out information related to her about the history of service and her contribution in the field of education. The interview was conducted at his house in Pekan, Pahang. He was born in Kampung Benta, Langgar, Pekan. During his marriage to the late Saadon bin Haji Yaacob, he was blessed with 5 bright eyes. He received his early education at Sekolah Kebangsaan Sungai Lembing and continued his studies at Sekolah Menengah Sungai Lembing and Sekolah Menengah Abdul Rahman Tali. He started his career in education in 1977 at SMK Sungai Lembing and was followed by five other schools in Pahang until 2006. His first school was appointed as a principal was at*

SMK Nenasi, Pekan. After retiring from the teacher, he was also involved in serving under the Rompin District Education Office and the Pahang State Education Department from 2007 to 2011. Various awards he has received include the Pahang Teacher Figure award in 2016. This transcript also describes his contribution in the field of education as well as his hopes for the younger generation today.

Keywords: *teacher figures, education, young generation, teachers, students*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	:	Puan Hajah Zabedah binti Osman
Nama Samaran:	:	Dah
Tarikh Lahir:	:	
Umur:	:	
Tempat Lahir:	:	Pekan, Pahang
Alamat:	:	
No. Telefon R/HP:	:	
Nama Suami:	:	
Bilangan Anak:	:	
Pendidikan:	:	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Kebangsaan Sungai Lembing (1960-1965)• Sekolah Menengah Sungai Lembing<ul style="list-style-type: none">○ Tingkatan 1-3• Sekolah Menengah Abdul Rahman Tali<ul style="list-style-type: none">○ Tingkatan 4-6• Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pekerjaan:	:	Pesara (Mulai 13/4/2011)
Sejarah Perkhidmatan:	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. SMK Sungai Lembing <ul style="list-style-type: none"> • Guru Penolong • 1977-1979 2. SMK Dato Mahmud Mat, Pekan <ul style="list-style-type: none"> • Guru Penolong • 1980-1990 3. SMK Nenasi, Pekan <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua • 1991-1994 4. SMK Tengku Abdullah Pekan <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua • 1995-1997 5. SMK Jengka Pusat, Maran <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua • 1998-2003 6. Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua • 2004-2006 7. Pejabat Pelajaran Daerah Rompin <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Pelajaran Daerah • 2007-2008 8. Jabatan Pelajaran Negeri Pahang <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Sektor Jaminan Kualiti • 2009-2011

PENGENALAN

PENGENALAN

Istilah pendidikan mempunyai makna yang berbeza. Setiap orang menafsirkan perkataan itu dari segi pengalaman masa lalu, keperluan dan tujuannya. Sebagai contoh, pelajar memberi maksud pendidikan ialah pemerolehan pengetahuan, menerima ijazah atau diploma. Seorang negarawan pula beranggapan pendidikan bermaksud melatih individu sebagai warganegara yang ideal. Seorang guru boleh mentafsirkan pendidikan sebagai kaedah untuk mewujudkan manusia baru dan masyarakat baru. Pendidikan sangat diperlukan oleh individu dan masyarakat, kerana tanpa pendidikan, seseorang individu akan hilang semua pengetahuan yang mereka perlu pelajari. Seseorang individu mesti mempelajari budaya masyarakat atau cara-cara yang boleh diterima dalam melakukan sesuatu.

Pendidikan di Malaysia bermula di pra sekolah hingga peringkat universiti. Kerajaan melaksanakan tanggungjawab sistem pendidikan yang mantap. Pendidikan pra-sekolah hingga pendidikan menengah adalah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dan pendidikan tinggi atau tinggi dijaga oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KKM). Kerajaan bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Menurut petikan daripada laman web Sinar Haria, Malaysia telah diiktiraf oleh Forum Ekonomi Dunia sebagai negara yang tahap persaingan yang baik dalam bidang pendidikan dari 141 negara di dunia.

Pendidikan rendah mempunyai tempoh enam tahun. Pendidikan menengah adalah lima tahun, yang merangkumi tiga tahun menengah rendah dan dua tahun pendidikan menengah atas. Had umur minimum untuk masuk ke tahun pertama pendidikan rendah adalah tujuh. Pendidikan rendah adalah wajib bagi semua kanak-kanak berumur antara 7 hingga 12 tahun. Peperiksaan masuk biasa diadakan pada akhir peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas. Selepas tamat pendidikan menengah, pelajar boleh memilih untuk melanjutkan pendidikan pasca-menengah. Ini adalah kursus persediaan untuk melanjutkan pengajian tinggi di peringkat universiti. Pada peringkat pengajian tinggi, institusi yang menawarkan pendidikan tinggi memberi pelajar ijazah, diploma, sijil dan lain-lain. Tempoh ijazah sarjana muda adalah 3 tahun dan kursus pada peringkat ini ditawarkan oleh institusi kerajaan dan swasta, yang menarik sebilangan besar pelajar asing.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Puan Zabedah binti Osman iaitu bekas Ketua Sektor Jaminan Kualiti Jabatan Pendidikan Pahang dan bekas pengetua di beberapa buah sekolah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 Januari 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10 pagi bertempat di Pekan Pahang. Temubual ini dikendalikan oleh Mardiana Ikhmar dan Nur Azilah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PETUNJUK:

M: Mardiana Ikhmar binti Norazli

AZ: Nur Azilah binti Ahmad Nizam

PZ: Puan Zabedah Osman

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

M : Assalamualaikum, puan.

PZ : Waalaikumussalam.

M : Boleh saya tahu, apakah nama penuh puan?

PZ : Nama penuh ialah Zabedah binti Osman.

M : Apakah nama gelaran puan? Maksudnya, nama yang keluarga terdekat ataupun kawan-kawan panggil.

PZ : Oh, nama glamor lah [ketawa].

M : *Aah* [ya] nama glamor. [ketawa]

PZ : Nama glamor tiga huruf terakhir, D A H [mengeja].

M : Dimanakah puan berasal?

PZ : Asal memang dilahirkan di Pekan. Dibesarkan di Sungai Lembing. Bekerja di Pekan lama, jadi menetap terus di Pekan.

M : Dimanakah puan menetap sekarang? Maksudnya sekarang memang duduk di Pekan ke?

PZ : Duduk di sini lah, di Taman sejak tahun di rumah ini. Di sini lah menetap.

M : Tadi dilahirkan di mana? Di Pekan ya?

PZ : Di .

M : Berapakah usia puan sekarang?

PZ : Sekarang umur tahun nak masuk umur tahun.

M : Apakah nama ibu dan bapa puan?

PZ :

M : Berapakah bilangan adik-beradik puan dan puan anak yang keberapa?

PZ :

M : Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh mereka sekarang? Adakah sesiapa dalam kalangan adik beradik puan juga yang menceburi bidang pendidikan?

PZ : Kakak juga dalam bidang pendidikan. Hanya kakak lah, yang lain-lain tu adik ada yang jururawat, Pegawai Hutan, dan Pegawai Pendaftaran. Semuanya dah bersara.

M : Oh semua sekali?

PZ : Semua sekali. Yang bongsu pemberita surat khabar.

M : Oh.

PZ : Pemberita Metro tapi dah bersara.

M : Apakah nama suami puan dan apakah pekerjaan yang dilakukannya sekarang?

PZ : Kena sebut terus Allahyarham lah. Jadi tiada pekerjaan lah kalau Allahyarham.

M :

PZ :

M : Berapakah bilangan anak puan?

PZ

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

M : Untuk sejarah pendidikan, boleh saya tahu, dimanakah dan bilakah puan mendapat pendidikan awal? Maksudnya, sekolah rendah.

PZ : Sekolah Kebangsaan Sungai Lembing. Tahun 1960 hingga 1965.

M : Masa itu tiada UPSR lagi kan?

PZ : Tiada

M : Maksudnya dulu tiada *exam* [peperiksaan] yang macam sekarang?

PZ : Tiada. Ada *exam* [peperiksaan], tapi untuk masuk asrama penuh sahaja pada masa itu.

M : Pada waktu dahulu, puan berhasrat dan bercita-cita untuk menjadi apa?

PZ : Cita-cita memang cikgu lah.

M : Dari sekolah rendah?

PZ : Dari sekolah rendah. Tiada, masa itu fikiran tidak berkembang jauh. Idolanya ayah saudara saya, dia seorang cikgu, jadi nak jadi cikgu sahaja lah. Ayah

saudara, mak saudara masa itu jadi cikgu.

M : Bagaimana pula sejarah pendidikan puan di sekolah menengah?

PZ : Sekolah Menengah Sungai Lembing, tingkatan satu hingga tiga. Selepas itu, Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, tingkatan empat sampai enam.

M : Oh, tingkatan enam?

PZ : [mengangguk]

M : Pada masa itu, tiada juga PMR dan SPM?

PZ : SPM ada, PMR masa itu SRP, Sijil Rendah Pelajaran.

M : STPM ada juga kan?

PZ : STPM ada.

M : Boleh saya tahu result [keputusan] SPM dan STPM tak?

PZ : Allahuakbar [ketawa]. Sudah lama sangat dah. Sijil PMR ini pun tenggelam banjir di Sungai Lembing.

M : Oh.

PZ : Tapi, pada masa itu orang panggil agregat. Dia tidak panggil seperti yang sekarang ini.

M : Oh, yang A1?

PZ : PMR orang sekarang ini berapa A, dia takde agregat. Orang dulu agregat, contohnya agregat 18.

M : SRP ya?

PZ : SRP [mengangguk].

M : SPM?

PZ : SPM, gred. Gred 2 sahaja. [ketawa]

M : SPM itu bidang apa?

PZ : Sastera.

M : STPM juga sastera?

PZ : Sastera.

M : Pernahkah puan melibatkan diri dalam apa-apa acara atau program bagi mewakili sekolah? Macam wakil sukan ke?

PZ : Saya dari dulu main hoki. Pemain sekolah hoki.

M : Apakah anugerah yang pernah puan dapat semasa di sekolah dahulu?

PZ : Anugerah macam mana ya?

M : Macam Anugerah Kecemerlangan atau Tokoh ke?

PZ : Hujung tahun memang dapat sentiasa lah anugerah. Anugerah Pelajar Terbaik ke apa dapat lah. Tetapi, akademik sahaja lah. Masa itu kokurikulum tidak dititiberatkan sangat jadi tiada anugerah kokurikulum.

M : Apakah jawatan yang pernah puan sandang sewaktu di sekolah dahulu? Ketua pengawas ke?

PZ : Pengawas sekolah.

M : Bagaimana hubungan puan dengan rakan-rakan sekelas? Adakah puan mempunyai ramai kawan ketika zaman sekolah?

PZ : Berkawan sampai sekarang. Kawan sekolah ada ramai. Yang kawan tingkatan 6 itu sampai sekarang *reunion* [perjumpaan] dan selalu berhubung. Kami ada '*group whatsapp*'.

M : Siapakah nama guru kegemaran puan ketika itu?

PZ : Cikgu Hamidah Awang.

M : Kenapa dia menjadi guru kegemaran puan?

PZ : Dia *friendly* [peramah], mengajar dengan gigih, dan sekarang ini menjadi kawan. Dia juga pernah mendapat Tokoh Guru Kebangsaan. Memang orang yang sangat

berkaliber. Dia masih ada sekarang, lumpuh tapi menulis buku.

M : Duduk di pekan ke?

PZ : Di Kuantan.

M : Oh.

PZ : Masih hidup tetapi lumpuh kerana *accident* [kemalangan] jalan raya. Lepas itu, menulis 5 buah buku dalam keadaan dia lumpuh.

M : Buku berkaitan apa ya?

PZ : Tentang ringan-ringan sahaja. Tentang sinergi dalam pendidikan dan tentang pengalaman guru.

M : Bagaimana pula dengan subjek kegemaran puan?

PZ : Geografi.

M : Memori atau pengalaman apa yang paling puan tidak dapat lupakan semasa zaman persekolahan dahulu?

PZ : Puas memikir apa dia [ketawa] kerana benda itu tiada yang terlalu menonjol, biasa-biasa sahaja.

M : Yang masih ingat sampai sekarang.

PZ : Mana satu nak *ambik* [ambil] *ni* [ini] ya?

M : **Salah satu.**

PZ : Salah satu? [berfikir]. Apa dia ya? Menang tidak ingat sangat. Cedera main hoki ingat. Parut ada sampai sekarang.

M : **Oh *yeke* [benarkah]?**

PZ : Kena bola. Kena kayu kena bola. Cedera semasa main hoki, pengsan. Kena kayu hoki pada muka.

M : **Jika diberi peluang, apakah yang puan mahu perbaiki dan memperbetulkan kesilapan semasa zaman persekolahan dahulu?**

PZ : Sepatutnya dulu saya masuk aliran sains tetapi silap. Pada masa dahulu kena ambil Matematik 2, tiada orang beritahu nak masuk aliran sains kena ambil Matematik 2. Jadi, tidak ambil Matematik 2, sebab itu tak dapat masuk Sains. Sepatutnya ambil Matematik 2, tapi tidak boleh buat apa *dah* [sudah].

M : **Jadi, jika ambil Matematik 2, boleh ambil Sains Tulen?**

PZ : [mengangguk], untuk masuk aliran Sains.

M : **Matematik 2 itu Addmath ke?**

PZ : Bukan. Dia semasa PMR.

M : Oh.

PZ : PMR dia ada dua *paper* [kertas], Matematik dan Matematik 2. Semua orang ambil Matematik 1, jadi saya ambil Matematik 1. Tidak tahu. Pada zaman dahulu tidak ada guru kerjaya atau guru kaunseling untuk bimbing, sendiri sahaja.

M : Tiada cikgu yang *guide* [bimbing]?

PZ : Tiada cikgu yang *guide* [bimbing].

M : Di institusi manakah yang puan telah menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran setelah tamat zaman persekolahan?

PZ : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

M : Apakah kursus yang puan ikuti di institusi pengajian tinggi? Di UKM ambil kos apa?

PZ : Ambil sosio-psikologi. *Degree* [ijazah] punya lah yang itu.

M : Diploma pendidikan?

PZ : Ambil Geografi dan Bahasa.

M : Dua-dua di UKM ya?

PZ : [mengangguk].

M : Bagaimana dengan kemudahan pembelajaran ketika itu? Adakah sudah banyak kemudahan infrastruktur yang canggih?

PZ : Tidak canggih, komputer-komputer tiada pada masa itu. Buat tesis dgn *typewriter* [mesin taip]. Tidak canggih la.

M : Macam kelas-kelas di universiti dahulu ada aircond ke tiada?

PZ : *Aircond* [penghawa dingin] ada. Tapi, bukan semua kelas ada *aircond* [penghawa dingin]. Dalam dewan tiada *aircond* [penghawa dingin]. Dalam bilik tutorial ada lah.

M : Adakah puan membawa kenderaan sendiri atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak universiti untuk menghadiri kelas? Dahulu duduk kolej ke?

PZ : Duduk kolej dekat, jalan kaki sahaja.

M : Dahulu UKM sedia bas ke?

PZ : Bas ada tetapi untuk orang jauh sahaja. Untuk orang yang *second* [kedua] kolej, kolej jauh. Saya duduk *first* [pertama] kolej, dekat.

M : Memang dari diploma sampai ijazah duduk kolej?

PZ : [mengangguk].

M : Pada ketika itu, apakah jenis bantuan pembelajaran yang puan pernah

terima?

PZ : Biasiswa Yayasan Pahang. Yayasan Pahang bagi terus sampai universiti.

M : Biasiswa ya?

PZ : Biasiswa bukan pinjaman. Bukan PTPTN, masa itu tiada lagi PTPTN.

M : Semasa puan belajar, adakah puan ada membuat kerja sambilan?

PZ : Tiada.

M : Sejak bila puan mula berminat untuk menyambung pelajaran dalam bidang pendidikan dan menanam minat ingin bekerja sebagai seorang pendidik?

PZ : Sejak sekolah rendah.

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL TOKOH

M : Baiklah puan, kita akan pergi kepada soalan berkaitan dengan pekerjaan awal. Apakah pekerjaan yang puan lakukan sebelum menjadi seorang guru?

PZ : Tiada, cikgu *tu* [itu] lah [ketawa].

M : Maksudnya, lepas habis belajar terus menjadi guru?

PZ : Terus menjadi seorang guru. Lepas STPM pun menjadi guru sandaran. STPM kan cuti lama, Januari sampai masuk awal bulan Jun. Jadi cikgu sementara la, dapat duit bayar yuran.

M : Berapakah usia puan ketika mula-mula menjadi seorang guru?

PZ : Umur 24 tahun.

M : Pada ketika itu, apakah kriteria yang diperlukan seseorang untuk menjadi seorang guru?

PZ : Asal ada diploma. Masa itu boleh dikatakan orang yang ada diploma tidak perlu mohon, terus serap menjadi cikgu.

M : Kalau ambil bidang pendidikan la?

PZ : Yang ambil diploma pendidikan. UKM, diploma pendidikan dia, 3 tahun yang pertama dalam cuti panjang, jadi tiada cuti. 3 tahun pertama dah dapat diploma pendidikan, tahun yang keempat buat *Honours* [ijazah] sahaja. Itu beza dia dengan Universiti Malaya. Universiti Malaya 3 tahun tu selesaikan *Bachelor* [ijazah], tahun ke-4 tu buat pendidikan. Jadi, Diploma Pendidikan tahun 1976, Bachelor tahun 1977.

M : Sekiranya puan masih ingat, berapakah gaji yang puan terima ketika mula-mula menjadi seorang guru?

PZ : RM 700 [ketawa], untuk guru siswazah itu. Masa mula-mula RM700 sebagai __, bila sah, RM900.

M : Apakah perasaan puan semasa pertama kali mengajar dan bergelar seorang guru?

PZ : Sebab dah ada pengalaman jadi guru sandaran, jadi bila jadi guru itu tiada masalah. Tidak rasa kekok, tidak rasa sesuatu yang menakutkan, jadi biasa

sahajalah.

M : Mula-mula sekolah rendah dulu ke?

PZ : Mengajar sekolah menengah.

M : Oh, sekolah menengah terus. Apakah persepsi orang-orang sekeliling puan ketika mula-mula berkecimpung dalam bidang pendidikan?

PZ : Positif, tiada yang bantah sebab orang sudah tahu kita buat pendidikan dari Tahun 1 lagi, masuk universiti terus dapat pendidikan.

M : Apakah yang puan lakukan untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru ketika itu? Maksudnya mula-mula menjadi cikgu?

PZ : Itulah, suasana itu tidak terasa pun baru sebab sebelum masuk universiti sudah menjadi guru sandaran.

M : Maksudnya, sudah boleh selesaikan diri?

PZ : *Haah* [ya] sudah boleh selesaikan diri. Tiada masalah. Tiada rasa yang janggal, terus boleh rasa selesa dan sesuai dihati.

M : Apakah cabaran pertama yang puan hadapi sewaktu mula-mula bergelar seorang guru?

PZ : Mula-mula mengajar di sekolah yang ramai Cina, aliran Melayu satu kelas sahaja, aliran Inggeris 3 kelas. Cina ramai jadi cabarannya kita nak bercakap. Sebab dia bahasa Inggeris pun tidak berapa, bahasa Melayu pun tidak berapa dan kita sendiri

pun tidak boleh cakap Cina.

M : Oh, nak bagi dia faham?

PZ : Ya nak bagi dia faham, terutamanya kelas-kelas menengah rendah. Menengah rendah saya mengajar Sivik, benda-benda macam itu sahajalah. Menengah atas, tingkatan 4 dan 5 mengajar subjek akademik. Yang menengah rendah ini susah.

M : Yang menengah atas ajar subjek apa ya?

PZ : Geografi dan Bahasa.

M : Pelajar tahun atau tingkatan berapakah yang sering puan ajar?

PZ : Geografi dan Bahasa tingkatan 4 dan 5.

M : Yang selalu ajar tingkatan 4 dan 5 lah?

PZ : *Haah* [ya] tingkatan 4 dan 5. Yang menengah rendah tu ajar sivik.

M : Bagaimana dengan sikap dan perangai murid-murid dalam kelas?

PZ : Masa itu tiada masalah, cuma yang menengah rendah tu kalau yang tidak faham bahasa itu, susah sikit untuk berkomunikasi. Tetapi, yang menengah atas yang Melayu masih menghormati guru. Tambahan pula, kita orang tempatan jadi dia tidak berani buat perkara yang tidak elok sebab kita kenal mak ayah dia, jadi hubungan itu rapat. Kita rapat dengan murid, rapat dengan mak ayah juga.

M : Apakah nasihat atau kata-kata semangat yang sering puan kongsi kepada pelajar-pelajar?

PZ : Tiada orang boleh mengubah nasib kita melainkan kita sendiri.

M : Bagaimana cara pembelajaran yang sering puan amalkan di dalam kelas?

PZ : Ikut apa yang belajar masa diploma, guna cara apa lagi [ketawa]. Ikut kaedah masa belajar, ikut pada _. Kena ada pendahuluan, perkembangan isi, penghuraian dan penutup.

M : Bagaimana dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sekolah seperti itu? Macam makmal komputer dan *library* [perpustakaan].

PZ : Mana ada makmal komputer, komputer juga tiada.

M : *Library* [perpustakaan]?

PZ : *Library* [perpustakaan] ada, ala-kadar la.

M : Bilik guru ada disediakan?

PZ : Bilik guru ada tapi tiada komputer, semua guna *typewriter* [mesin taip]. Komputer ini era 90-an pun tidak berapa lagi. 90-an la dengan *WORKSTAR*. Masa itu pakai *WORKSTAR* sahaja lagi.

M : Apakah pandangan puan apabila ada yang mengatakan kekurangan infrastruktur mempengaruhi tahap akademik pelajar?

PZ : Memang sekolah perlu menyediakan kemudahan cukup tetapi dengan apa yang ada itupun sebenarnya dah boleh mencakupi semua sukatan pelajaran.

M : Maksudnya tidak mengganggu pun prestasi pelajar?

PZ : Tidak mengganggu, sebab pada masa itu kemudahan hanya setakat itu jadi itu sahajalah kemudahan paling tinggi yang boleh dicapai, kita guna sahaja apa yang ada. Sekarang, bandar dapat komputer, luar bandar tiada. Sekarang ada *gap* [jurang], dulu tiada *gap* [jurang]. Semua luar bandar dan bandar sama sahaja.

M : Tahap akademik pelajar yang kurang memuaskan juga dikatakan disebabkan oleh guru itu sendiri. Apakah pandangan puan terhadap perkara ini?

PZ : Betul, setuju. Memang kalau guru tiada inisiatif nak tingkatan kaedah mengajar, nak beri murid itu berminat, memang murid akan lemah. Kalau bergantung kepada murid itu sendiri, sebab dia tidak boleh *explore* [meneroka] di mana-mana. Kalau ada kemudahan untuk *explore* [meneroka] pun, hanya ada buku.

M : Maknanya, bergantung kepada guru la?

PZ : Ya, bergantung kepada guru. Kalau guru banyak inisiatif nak buat pembelajaran bilik darjah ke, buat aktiviti pembelajaran yang lain, bukan dalam kelas sahaja.

M : Sekiranya pelajar melakukan kesilapan seperti tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan, apakah tindakan puan?

PZ : Denda, buat baik dengan dia.

M : Denda itu macam mana ya?

PZ : Denda kena duduk dengan cikgu, kena tunggu. Kita kena buat sama-sama dengan dia bila orang lain dah balik. Kena tinggal dalam kelas bersama dengan cikgu. Jadi, masa itu kita buat baik dengan dia.

M : Tiada rotan-rotan ya?

PZ : Tiada. Orang besar tidak boleh rotan.

M : Pada ketika itu, bagaimanakah penilaian pelajar dilakukan? Contohnya, macam ujian penggal, macam mana penilaian penggal dilakukan?

PZ : Serupa macam sekarang juga. Semua soalan disediakan bukan dengan komputer lah.

M : Dulu soalan objektif ada?

PZ : Ada, tidak banyak beza dengan sekarang. Penilaian dari dulu memang tidak banyak berubah. Ada peperiksaan bulanan, peperiksaan penggal, pertengahan tahun dan peperiksaan hujung tahun.

M : Apakah persepsi dan pandangan puan terhadap guru-guru pada waktu itu?

PZ : Guru-guru dulu dan sekarang pun masih ramai yang sangat *dedicated* [berdedikasi], berdisiplin. Ramai la tetapi bukan semua. Ada lah yang terkecuali, tetapi sebilangan besarnya sangat *dedicated* [berdedikasi] dan berdisiplin.

M : Pernahkah puan dan rakan-rakan sekerja berlainan pendapat dalam sesuatu perkara? Apakah yang puan lakukan untuk selesaikan masalah tersebut?

PZ : Perkara biasa lah *tu* [itu] [ketawa]. Berlainan pendapat itu perkara biasa, jadi kita kena ada toleransi. Kena ada *give and take* [memberi dan menerima], kena berkorban juga. Kita tidak boleh nak ikut cakap kita sahaja.

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

AZ : Okay puan, sebagai seorang guru pula berapa lamakah puan telah berada dalam bidang pendidikan ini?

PZ : 34 tahun dari 1977 hingga 2011.

M : 2011 *tu* [itu] bersara?

PZ : Bersara 34 tahun.

AZ : Apakah keistimewaan yang membuatkan puan memilih kerjaya ini berbanding kerjaya-kerjaya lain?

PZ : Saya melihat guru bidang pendidikan ini kita dapat rapat dengan masyarakat. Kita boleh bergaul bukan setakat dengan murid *tapi* [tetapi] dengan mak ayahnya dengan masyarakat sekelilinglah. Pendekatan yang saya guna pun saya memang suka bergaul dengan semua peringkat lapisan.

AZ : Apakah perasaan puan apabila diberi peluang untuk menjadi seorang guru?

PZ : Perasaan memang perasaan gembira sebab kita dapat apa yang kita nak, cita-citanya memang nak jadi cikgu bila dah dapat jadi cikgu memang gembiralah.

Memang tahu memang dapat [ketawa] _ _ _ _ _ . *Takde* [tiada] pemilihan *takde* [tiada] isi borang memohon pun.

M : Sekarang susah.

PZ : Sekarang kena mohon.

AZ : Seterusnya berapa buah sekolahkah puan pernah berkhidmat dan dimanakah sekolah-sekolah tersebut?

PZ : 6 buah sekolah, rasa ada dekat situ (menunjukkan maklumat berkaitan kerjaya beliau). 6 buah sekolah. Sebagai --- itu daripada guru sampai menjadi pengetua.

M : Sekolah *last* [akhir] sekolah shah?

PZ : *Last* [akhir] sekolah shah. Saya berasa semua jenis sekolah, sekolah luar bandar, sekolah kampung tradisi, sekolah felda, sekolah asrama penuh semua rasa dan pengalaman apa yang berbeza mana sekolah tradisi, sekolah nenasi itu sekolah tradisi, sekolah Mahmud Mat sekolah tradisi jugakan, Jengka sekolah felda, asrama penuh di Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah sekolah asrama penuh. *Okay* [baiklah].

AZ : Siapakah yang menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada puan untuk menjadi seorang pendidik?

PZ : Dalam adik-beradik emak saya ada 2 orang jadi cikgu. Seorang lelaki seorang perempuan. Mereka tidak mendorong *tapi* [tetapi] saya suka tengok. Bila *tu* [itu] saya selalu bersama dengan *bapak* [bapa] saudara dengan emak saudara jadi saya rasa bidang *tu* [itu] sesuai dengan saya. Dengan mak *sedara* [saudara] saya masa

kecik [kecil] saya duduk dengan dia, saya pergi sekolah ikut dia, duduk dalam kelas masa umur berapa tahun 5 tahun.

M : Duduk dalam kelas, ikut itu pergi kelas?

PZ : Jadinya saya jadi berminatlah dengan bidang pendidikan.

AZ : Selain daripada mendapat dorongan tersebut, apa faktor lain yang menyebabkan puan melibatkan diri dalam bidang pendidikan ini?

PZ : Itulah saya tak nampak ada bidang lain yang boleh kita aktif berkhidmat dengan masyarakat sebab saya masa sekolah, saya juga pemimpin belia. Saya setiausaha belia menjadi pengerusi belia. Jadi, masa itu saya terlibat juga dalam politik, menjadi ketua wanita pun masa di Sungai Lembing. Jadi saya nampak bidang lain *tak* [tidak] dapat seaktif guru melibatkan diri dalam bidang-bidang, kerja-kerja kemasyarakatan. Jadi itu menyebabkan saya memang rasa sangat sesuai dengan sayalah sebagai guru.

AZ : Seterusnya, boleh saya tahu sekolah yang paling puan selesa dan sentiasa senang hati untuk berkhidmat di situ?

PZ : Saya sangat selesa kalau sebagai pengetua ke sebagai guru? Sebagai pengetua lain, sebagai guru lain.

M : Dua-dua.

PZ : Saya lebih selesa berada di sekolah di kampung tradisional sebab masa praktikal dulu di sekolah bandar tapi saya lebih suka di kampung tradisional sebab boleh mendekati murid. Di bandar, jarak kita dengan agak ada *gap* [jurang] ada

renggang antara kita dengan ibubapa. Tapi kalau di kampung, kita boleh ziarah ibubapa, kita boleh bersembang-sembang dengan *parents* [ibubapa]. Jadi, anak-anak dia _ _ _ *takkan* [tidak akan] buat salah dia dah rapat dengan cikgu.

AZ : Antara sekolah-sekolah yang puan telah nyatakan tadi, dimana sekolah yang paling lama puan berkhidmat?

PZ : Paling lama sekolah di Jengka Pusat, 4 tahun 3 bulan. Itu yang paling lama. Tapi kalau sebagai pengetua. Kalau sebagai guru biasa, Dato Mahmud Mat 11 tahun.

M : 11 tahun sekolah itu?

PZ : 11 tahun. Itu kalau guru biasa. Kalau sebagai pengetua di Sekolah Menengah Jengka, 4 tahun 3 bulan.

AZ : Bilakah puan dilantik menjadi seorang pengetua?

PZ : Tahun seribu sembilan ratus nanti *jap* [sekejap] 1991.

AZ : Sekolah mana yang puan pernah pengetua itu?

PZ : Sekolah pertama Sekolah Menengah Nenasi, itu kampung tradisional Sekolah Menengah Nenasi. Saya setahun *je* [sahaja] di situ lepas *tu* [itu] saya ditukarkan Sekolah Menengah Tengku Abdullah. Di situ 2 tahun lebih. Lepas itu di Jengka Pusat. Jengka Pusat lah agak lama 4 tahun 3 bulan. Semua itu saya ditukarkan bukan saya minta ubah. Atas kepentingan perkhidmatanlah.

AZ : Apakah perasaan puan setelah terpilih untuk menjadi seorang pengetua

sekolah?

PZ : Memang saya ya lah masa *tu* [itu] kita *dah* [sudah] berumur *dah* [sudah] meningkat umur memang rasanya saya gembira juga *bila* [apabila] menjadi pengetua kerana dengan pengalaman sebagai guru biasa itu kita boleh menguruskan lebih ramai kita boleh menguruskan keseluruhan hala tuju sekolah mana kita nak bawa murid kita. Kalau sebagai guru biasa, kita dengan subjek kita sahaja. Ini hala tuju secara umum sekolah, pengetua yang menentukan ke mana harus sekolah itu dibawanya sebab itu jatuh bangun sekolah memang sebenarnya terletak di tangan pengetua.

AZ : Boleh puan ceritakan antara peranan dan tanggungjawab yang puan perlu laksanakan sebagai seorang pengetua sekolah?

PZ : Peranan dan tanggungjawab kedua-dua itu sama ada peranan ke tanggungjawab semuanya *tu* [itu] memerlukan seorang pengetua bertindak dengan tepat tidak teragak-agak kalau *nak* [hendak] buat program misalnya kita dah kaji latar belakang, keadaan, kemampuan dan sebagainya kesannya objektifnya dan sebagainya. Jadi, kita tidak boleh teragak-agak untuk menjalankan sesuatu program di sekolah supaya hala tuju sekolah dapat dicapai. Misi dan visi. Sekarang orang sebut misi dan visi, dulu-dulu sebut hala tuju *je* [sahaja] supaya misi dan visi sekolah tercapai. Kita tetap akan guna visi misi lepas *tu* [itu] kena --- visi itu apa yang hendak kita capai, misi itu apa bagaimana kita hendak capai. Jadi sebagai pengetua kena proaktif, kena tegas sebab bukan semua yang kita *nak* [hendak] buat itu diterima oleh guru dan diterima oleh masyarakat tapi kita kena yakinkanlah yang kita kena tunjuk bukti dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh sekolah. Itu yang penting. Jadi, bila kita dah berjaya maknanya apa yang kita buat itu orang terima. Nanti bila akan datang orang akan sebut untuk buat seperti itu juga. Ada yang permohonan daripada *parents* [ibubapa] buat macam itu juga. Jadi kita tahulah kita dapat ukur bahawa apa yang kita buat diterima oleh masyarakat.

AZ : Boleh puan kongsikan perbezaan yang puan rasakan selepas dilantik? Maksudnya dari segi kerja.

PZ : Bila lantik jadi pengetua berbeza dengan sebagai guru biasa. Kita berada di atas melihat seseolah macam kita berada di puncak bukit kita melihat ke bawah kita nampak semua apa yang perlu kita *ambik* [ambil] tindakan. Sebagai guru biasa, kita *tak* [tidak] buat kita tiada pengalaman seperti itu. Kita *takde* [tiada] rasa nak membangunkan sekolah seperti mana pengetua membangunkan sekolah. Itu bezanya. Kita *tak* [tidak] rasa kita nampak semua kalau kita sebagai guru biasa tapi sebagai pengetua kita rasa kita nampak semua keadaan di sekolah itu dimana *loophole* [celah] dimana benda kita ruang-ruang yang boleh kita perbaiki untuk mencapai misi dan visi sekolah.

AZ : Apakah kursus yang perlu puan hadiri sebelum dan selepas menjadi seorang pengetua?

PZ : Kursus sebelum menjadi pengetua *takde* [tiada] kursus terus dilantik menjadi pengetua. Itu dululah. Sekarang baru orang ambil kursus pengetua dulu baru jadi pengetua. Dulu sebelum jadi dulu dilantik menjadi pengetua barulah ada kursus-kursus yang perlu dihadiri. Kursus-kursus peningkatan profesionalisme. Sebarang ada apa program negara, ada lah kursusnya kepada pengetua. Contohnya yang terakhir sebelum saya bersara *haritu* [hari itu], sekolah program negara hendak lahirkan sekolah berprestasi tinggi. Kami kena kursuslah. Berkursus apa yang dikatakan sekolah berprestasi tinggi. Jadi itulah semua kursus yang dianjurkan itu *bertertakluk* [tertakluk] kepada program semasa Kementerian Pendidikan Malaysia.

AZ : Selain jawatan pengetua, jawatan apa lagi yang puan pernah dilantik di sekolah?

PZ : *Takde* [tiada] *dah* [sudah] lah *bila* [apabila] *dah* [sudah] jadi pengetua.

M : Guru penolong kanan?

PZ : Saya *takde* [tiada]. Saya tak merasa. Saya _ _ _ _ pengetua. Saya tak rasa penolong kanan.

AZ : Apakah pekerjaan yang puan lakukan selepas bersara daripada menjadi seorang guru?

PZ : Saya dari dulu lagi suka kepada kerja-kerja masyarakat. Jadi sekarang ini kerja-kerja masyarakat jugalah. Jadi pengerusi WI. Jadi setiausaha lembaga kebajikan perempuan Islam LKPI dengan puteri Islam pun masih saya jawatankuasa negeri lagi. Banyak badan-badan bukan kerajaan yang saya sertai atas dasar minat dan atas dasar suka bermasyarakat suka bergaul. Kita kenal ramai orang bila kita masuk aktif dalam pertubuhan. Peringkat daerahlah setakat ini. Saya peringkat daerahlah. _ _ _ _ _ jawatankuasa peringkat negeri puteri Islam LKPI. Itulah lepas bersara itulah kerjanya.

BAHAGIAN 5: ANUGERAH

AZ : Seterusnya kita beralih kepada bahagian yang berkaitan dengan anugerah, puan pernah dianugerahkan Tokoh Guru Pahang. Boleh saya tahu, bila puan menerima anugerah tersebut?

PZ : 2016. Tarikhnya *jap* [sekejap] ya tarikhnya 28 Mei 2016. Untuk menjadi Tokoh Guru Pahang kena jadi Tokoh Daerah dulu. 2014 saya 2015 saya Tokoh Guru Daerah Pekan.

M : 2016 negeri?

PZ : 2016 negeri.

AZ : Apakah perasaan puan apabila terpilih untuk menerima anugerah Tokoh Guru tersebut?

PZ : Saya rasa bersyukur kehadiran Allah kerana orang masyarakat menilai apa yang kita buat. Kita sendiri kita tidak dapat menilai dan kita hanya rasa kepuasan sahajalah. Tapi apabila diberi anugerah, bermakna masyarakat memberi pandangan yang tinggi atas apa yang kita buat. Itu *je* [sahaja] dan sebab untuk dapat Tokoh Guru ini bukan setakat apa *ni* [ini] tugas kita di sekolah, dia melibatkan semua melibatkan ada markah dalam semua aktiviti yang kita sertai masa di luar sekolah.

AZ : Ketika menghadiri majlis penganugerahan tersebut, adakah puan sudah mengetahui bahawa puan akan menerima anugerah tersebut?

PZ : Memang *dah* [sudah] tahu sebab orang yang mencalonkan saya itu datang mengambil maklumat. Jadi, saya *tak* [tidak] terkejutlah apabila dapat surat penganugerahan.

M : Kira dapat surat dululah baru pergi?

PZ : Orang datang dululah cari maklumat untuk buat surat. Jawatankuasa anugerah datang ke rumah mencari maklumat untuk pencalonan lepas itu lagi sekali dia datang untuk *confirm* [mengesahkan] dapat anugerah.

AZ : Apakah kriteria yang diperlukan untuk seseorang itu mendapat anugerah

Tokoh Guru Pahang?

PZ : Saya jawab tadi dah rasanya. Untuk dapat tokoh guru ini, bukan sekadar apa yang pernah kita buat di sekolah sumbangan kita di sekolah tetapi juga sumbangan kita kepada masyarakat. Sumbangan kepada masyarakat, sumbangan kepada negara. Katakanlah apa *ni* [ini] kalau kita *tak* [tidak] bergiat dengan NGO, kita ada menulis buku itu pun sumbangan jugalah. Semua itu ada markah untuk melayakkan kita dapat tokoh. Ada banyak aspeklah dinilai.

AZ : Bagaimana dengan reaksi keluarga puan apabila mendapat tahu yang puan menerima anugerah ini?

PZ : Keluarga itu anak-anaklah. Dalam keluarga maksudnya _ _ _ _ _ anak-anak, adik beradik semuanya beri ucapan tahniahlah. Mereka masing-masing rasa gembira dan masing-masing kata berbaloilah dengan apa yang saya buat selama ini. Sedangkan sebenarnya saya buat itu *takde* [tiada] lah *target* [sasaran] *nak* [hendak] dapat tokoh. Kita buat kerja *je* [sahaja], anugerah itu kira bonuslah. Kita buat *je* [sahaja] kerja kita. Apa yang kita suka, apa yang kita rasa orang suka kita buat. Orang nak bagi anugerah itu kira bonuslah. Alhamdulillah.

AZ : Soalan seterusnya, apakah impak atau kesan kepada diri puan setelah menerima anugerah Tokoh Guru?

PZ : Kesan ini yang susahnyanya sebab kita kena *maintain* [menjaga]. Jadi kita kena *maintain* [menjaga] ketokohan itu. Katakanlah contohnya dalam NGO orang lantik jadi pengerusi, lantik jawatan-jawatan penting kita tak boleh nak tolak sebab nanti orang akan kata “Macam mana ni tokoh, macam mana dapat tokoh kalau macam ni semua _ semua tolak”. Jadi, kesannya kita kena kekalkan momentum itu. Kekalkan pandangan orang kepada kita. Kalau selama ini orang memandang kita boleh buat kerja, jadi kena boleh juga buat kerja walaupun kita tak larat nak buat kerja. Itu dia kesannya. Walaupun kita rasa kita kata bagilah

orang muda, tapi bila orang perlukan orang lantik, kita terpaksa terimalah. Tak boleh nak elak sebab nak jaga *title* [tajuk] Tokoh Guru itu. Itu yang jadi susah tu nak mengekalkannya.

AZ : Bagi puan sendiri, adakah anugerah yang puan terima itu berbaloi dengan usaha dan pengorbanan puan sepanjang karier dalam bidang pendidikan?

PZ : Itulah saya rasa bersyukur, maknanya orang nampak apa yang kita buat. Saya *tak* [tidak] tahu nak kata berbaloi ke *tak* [tidak] tapi adik-beradik kata berbaloi. Penilaian adik-beradik, penilaian keluarga berbaloi dengan apa yang saya buat sebelum ini. Itu saya dapat komen daripada oranglah berbaloi. Saya sendiri saya rasa itu sebagai satu bonuslah orang pandang tinggi, orang menghargai orang nampak apa kita buat.

AZ : Puan juga pernah dipilih sebagai tokoh GPMS iaitu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Boleh saya tahu, bagaimana puan boleh terpilih untuk menjadi tokoh tersebut?

PZ : Saya pun *tak* [tidak] tahu macam mana dia pilih saya tapi saya *ni* [ini] memang jadi ahli GPMS daripada belajar lagi daripada universiti. Daripada universiti saya *dah* [sudah] jadi. Saya bergiat, *nak* [hendak] kata aktif *tak* [tidak] juga tapi ada lah sumbangannya bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain untuk aktiviti GPMS. Lepas itu, *bila* [apabila] dah orang nak bagi anugerah itu saya pun *tak* [tidak] tahu macam mana dia pilih. Saya pun terkejut juga saya tiba-tiba dapat anugerah.

AZ : Dia bagi anugerah itu masa ada majlis ke?

PZ : Dia beritahu dua tiga hari sebelum majlis. Ada orang mencalonkan saya tapi saya pun tak tahu siapa dia sebab saya tanya “kenapa pilih saya”. *Takde* [tiada] orang yang nak jawab tapi dia kata adalah orang bagi namanya. Jadi saya tak tahu siapa

dan saya dah lama dah tak bergerak dalam GPMS ini. Dah lama dah sebab lepas sekolah takde [tiada] dah, lepas belajar lepas tamat belajar universiti saya dah tak bergiat dalam GPMS tiba-tiba dapat anugerah.

AZ : Masa belajarlh GPMS itu, masa dekat universiti?

PZ : Masa dekat universiti dulu. Lepas itu dapat anugerah itu, saya dua orang dapat. Saya dengan Datuk Hamid. Dia pun tak tahu juga siapa calonkan. Jadi saya tak tahu apa kriteria yang dia orang pilih, saya tak tahu. Jadi terimalah dulu. Itu pun mungkinlah penilaian atas penilaian oranglah.

AZ : Pada tahun bilakah puan menerima anugerah GPMS?

PZ : (melihat maklumat akademik beliau) 2014. Pengerak Veteran GPMS 2014.

AZ : Bagaimanakah puan boleh menyertai kelab GPMS tersebut?

PZ : Masa belajar dululah. Masa di universiti.

M : Memang nak *join* [sertai]?

PZ : Saya di universiti dulu saya aktif. Saya menjadi penari kebudayaan universiti. Jadi memang kawan-kawan ajak *join* [sertai], saya *join* [sertai].

AZ : Apakah program atau aktiviti yang sering dijalankan oleh GPMS?

PZ : Sekarang ini saya tak tahu, saya tak terlibat dah. Bila dah kerja ini, saya tak terlibat dengan GPMS dah.

M : Masa dekat universiti dulu, aktiviti macam mana?

PZ : Bila ada konvokesyen ada gerai GPMS, saya bersama dengan kawan-kawan membuat promosi untuk tarik ahli. Lepas itu, ada isu bila ada isu-isu berkaitan dengan pelajar kita sama-samalah ambil tindakan. Tapi masa saya dulu dah tak banyak isu, sebelum itu yang isu Anuar Ibrahim itu kan. Bukan isu yang sekarang ini, isu dulu isu dia sebagai pembangkang masa dululah. Tapi tiada dah masa saya isu itu dah takde dah. Jadi kami hanya menggalakkan menarik ramai ahli, saya banyak terlibat dalam kempen mencari ahli. Isu dah takde apa sangat dah.

AZ : Puan juga pernah berkhidmat di bawah Jabatan Pendidikan Pahang. Adakah puan ada menerima sebarang anugerah sepanjang tempoh perkhidmatan di jabatan tersebut?

PZ : Anugerah, ada anugerah. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Itu jelah. Satu lagi Anugerah Istana AAP. *Ni* [ini] masa di sekolah juga *ni* [ini]. Di JPN Pahang, hanya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Itu sajalah.

AZ : Selain daripada anugerah yang dinyatakan di atas tadi, adakah puan ada menerima penghargaan atau anugerah lain sepanjang penglibatan dalam bidang pendidikan?

PZ : Anugerah Pemimpin ICT Daerah 2006, johan ICT peringkat negeri 2007.

M : Itu masa di sekolah ke?

PZ : Ini masa di sekolah *ni* [ini]. Masa hari guru, dapat anugerah masa hari guru. Masa di sekolah sains.

AZ : Apakah pengalaman manis yang pernah puan lalui sepanjang khidmat dalam bidang pendidikan?

PZ : Pengalaman manis, manis semualah [ketawa]. Pengalaman manis banyak sangat yang manis. Apa yang kita buat itu kita puas hati jadi manislah. Saya tak dapat nak *pinpoint* [tepat] satu-satu. Masa di Jabatan Pelajaran Negeri, saya buat *road show* [pertunjukan jalanan] tentang sekolah prestasi tinggi setiap daerah. Tapi setiap daerah itu orang membuat jamuan persaraan kepada saya sedangkan saya bukan dengan niat nak bersara, bukan niat nak laungkan nak bersara *tapi* [tetapi] masa suntuk, jadi saya masa pendek. Program itu dari Kementerian Pendidikan baru sampai baru turun, jadi saya *dah* [sudah] nak bersara jadi saya pergi ke tiap-tiap daerah buat *road show* [pertunjukan jalanan] menceritakan tentang program itu. Apabila berceramah siang, malam orang mesti tidak beri balik lagi dia orang buat jamuan bagi hadiah macam-macam, itu manislah. Kira manislah *tu* [itu]. 11 daerah. Balik penuh van.

M : 11 daerah dekat Pahang?

PZ : *Haah* [ya], 11 daerah dekat Pahang. Setiap daerah semua itu pun nak cepat sebab takut *tak* [tidak] sempat sebab saya *dah* [sudah] nak bersara tapi lain jadinya. Saya diraikan dengan majlis yang gilang-gemilang, majlis persaraan. Itulah yang manis kiranya.

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

AZ : Sebagai seorang pengetua, apakah antara sumbangan yang puan berikan?

PZ : Saya dah bagi senarai itu (memeriksa maklumat berkaitan dengan sumbangan beliau). Ada saya senaraikan 22 sumbangan. Banyak membentang kertaslah, memberi ceramah. Nak jawab satu-satu banyak.

AZ : Selain daripada persatuan di bawah bidang pendidikan dan GPMS, apakah antara aktiviti-aktiviti kebajikan lain yang pernah puan terlibat dan menyumbang tenaga?

PZ : Ini yang sekaranglah ya?

M : Yang dulu-dulu pun boleh juga.

PZ : Sekarang ini dalam music covid ini, saya setiausaha Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Daerah. Bagi sumbangan kepada orang yang terkesan kena berhenti kerja sebagainya itu, antara kerja orang jual kuih. Sejak Mac dululah saya kumpul dana bersama-sama dengan persatuan dan agihkan dana tersebut melalui kita *banking* [perbankan] ke orang yang layak. Ramai 43 orang saya dapat senarai.

M : Semua dalam Pahang?

PZ : Dalam daerah Pekan saja. Kita bagi bantuan meringankan beban. Duit, duit orang juga tapi kita carilah dapatkan sumbangan orang lepas itu agihkan kepada orang yang memerlukan. Banyak jugalah 43 orang, duit yang dapat pun *tak* [tidak] banyak dalam 4000 lebih macam itulah.

BAHAGIAN 7: HARAPAN

AZ : Okay [baiklah] puan, saya ingin bertanyakan beberapa pendapat dan harapan puan terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan pelajar pada masa kini. Pelajar zaman sekarang lebih berani melawan, mengherdik serta ada yang berani mencederakan guru. Jadi pada pandangan puan, apakah faktor yang menyebabkan pelajar sanggup berkelakuan seperti itu?

PZ : Sebenarnya pelajar ini dipengaruhi oleh keluarga. Kalau mak ayah dia selalu mengutuk guru, anaknya mesti mengutuk guru. Kalau mak ayah dia *respect*

[hormat] guru, kalau anak lawan guru mesti mak ayah dia marah. *Ni* [ini] mak ayah dia dulu tunjukkan sifat *tak* [tidak] suka pada guru, mengutuk guru, mencaci guru, mengata guru macam-macam. Jadi anak *ni* [ini] *mua* [melampau] lah. Kalau anak balik cerita pasal guru, mak ayah tambah lagi bukan nak membela guru. Itu yang memang saya dapat dengar sendirilah hasil dari hubungan rapat dengan masyarakat. Memang saya dengar sendirilah ada yang mengutuk guru tapi bila saya tegur saya kata “Cakap baik-baik sikit, *ni* [ini] cikgu *ni* [ini]”. Jadi bila saya sebut begitu, dia orang _ . Kalau tidak memang suka kutuk guru. Memang adalah guru yang tidak *perform* [melakukan] ataupun guru yang dia memang ada *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] ramai dan taklah sampai mempengaruhi kelakuan buruk anak dia. Ini yang selalu berlaku ini, murid yang memang dah kelakuan dah buruk, akademik lemah mengutuk cikgu lagi. Memang sangat *tak* [tidak] patutlah dan mak ayah memenang, memihak kepada anak. Memang *tak* [tidak] dapat ilmulah anak macam itu anak murid macam itu. Ibu bapa yang sepatutnya menunjukkan contoh teladan menghormati guru barulah anak murid itu baru boleh hormat pada guru.

AZ : Apakah tindakan yang puan lakukan sekiranya berdepan dengan pelajar-pelajar yang nakal seperti merosakkan harta benda sekolah?

PZ : Saya ambil pendekatan berbaik dengan murid itu. Saya *tak* [tidak] suka melepaskan, membebaskan diri begitu saja. Saya mendekati murid yang macam itu sebab itu murid itu nanti bila dah dewasa pun dia akan ingat apa yang kita buat. Saya akan mendekati ajak dia makan, bagi dia duit. Kita tunjukkan yang kita suka dia, kita perlukan dia. Tapi mula-mula memang susahlah, kita terpaksa. Maknanya kalau nak ajak makan, ajak ramai-ramai bukannya *sorang* [seorang]. Jadi kita dekati macam itulah. Itu cara mendekati murid. Memang murid sebenarnya bila belanja makan habis ceritalah. Murid bila cikgu belanja makan habis ceritalah, jahat pun jadi baik. Lepas itu dari situ bila kita dah dekati dia senang. Dekati dia, ajak dia lepas itu cari jalan lambat balik kita hantar dia ke

rumah sebab dengan sendiri kita boleh jumpa *parents* [ibu bapa] dia. Ajak dia duduk dekat sekolah sama-sama buat kerja, sama-sama buat projek. Apa-apa projeklah. Projek yang bukan projek dialah, projek itu dah ada projeknya tapi kita ajak dia bersama. Lepas itu sengaja dilambat-lambatkan dengan niat lepas ini kita boleh hantar dia balik. Hantar dia balik, kita boleh kenal *parents* [ibu bapa]. Katalah dia ada motor ke sebagainya, kita cubalah ikhtiarkan supaya kita hantar dia balik *tak* [tidak] payah naik motor lewat-lewat ke ataupun sibuk dengan orang balik kerja ke sebagainya. Jadi kita mendekati murid itu. Itu yang penting. Kalau kita terus menghukum dia, kita lagi jauh dari dia dan dia akan terus buat apa yang nak dia buat.

AZ : Pada pendapat puan, apakah peranan seorang guru itu sendiri untuk menangani pelajar seperti ini?

PZ : Saya lebih suka itulah kalau ada cikgu yang cerita pasal anak muridnya, saya lebih suka bercerita pengalaman saya suka buat dengan muridlah. Jadi saya, ya lah bukan semua apa yang kita cakap orang setuju orang boleh terima tapi kebanyakannya bersetuju. Kebanyakannya bila kita dapat seorang murid yang nakal kita dapat rapat dengan dia, kita banyak bantu dia. Malah dari segi ekonomi pun kita bantu dia. Pernah Mahmud Mat dulu, murid itu sangat nakal. Semua cikgu *tak* [tidak] suka. Lepas itu bila saya kata saya nak pergi rumah dia, dia *taknak* [tidak mahu] bagi dia *tak* [tidak] boleh dia *tak* [tidak] nak terima. Lepas itu saya tanya rumah dia, dia makan apa pagi tadi. Jadi bila dia cerita itu kita tahulah apa kekurangan dia dan saya bagi dia duit, kata “Balik *ni* [ini] awak beli”. Dia kata dia *tak* [tidak] boleh nak minyak tiadalah itu tiadalah barang-barang tiada. Saya bagi masa itu 20 ringgit itu besarlah. Saya bagi “Nah ambil 20 ringgit awak beli bagi mak”. Jadi dia terkejut, dia tersentak, terkedu bila kita bagi duit. Lepas itu, saya tanya lagi. Esoknya saya tanya saya jumpa dia. Kalau dia *tak* [tidak] datang saya akan cari. Jadi bila saya cerita begini ke cikgu-cikgu, ada yang memang kenal yang tahu cerita itu memang diakui ada. Jadi terbukti, kita dapat

tunjuk buktilah pada cikgu dengan cara mendekati murid kita boleh menyelesaikan banyak masalah. Jadi saya beri pandangan begitulah kepada cikgu-cikgu yang zaman sekarang ini yang habis kelas habis mengajar habis---. Saya sebenarnya dari sekolah dulu semasa guru biasa sehinggalah jadi pengetua, saya ada anak angkat yang saya tanggung. Kalau dia susah datang sekolah duduk asrama, saya tanggung asramanya. Itu masa di sekolahlah, masa guru biasalah. Masa pengetua pun saya ada anak angkat, masa saya di Nenas. Masa di ---. Ada seorang anak angkat duduk di rumah, perempuan seorang. Sekarang dah jadi cikgu. Seorang lagi lelaki dah jadi *engineer* [jurutera] pun. Saya bukan setakat ambil anak angkat, terus duduk di rumah. Jaga makan minum dia, jaga pakaian dia. Hantar dia dapat masuk universiti pun hantar. Bayarkan yuran dan sebagainya. Kita terpaksa korbankanlah nak bantu dengan niat nak membantu. Tiga orang anak angkat saya yang berjaya, yang *tak* [tidak] berjaya itu ada juga. *Tak* [tidak] berjaya dari segi akademik, dari segi kedudukan tapi berjaya In Shaa Allah, berjaya dari segi mungkin kesan dalam hati dia ke, mungkin. Saya tak pastilah itu. Kita niat membantu. Dia nak kenang *tak* [tidak] kenang itu wallahualam. Maknanya, kita rapat dengan murid sehingga sampai peringkat habis belajar sampai kita rapat sehingga jadikan anak angkatlah. Zaman sekarang ini tiada dah cikgu macam itu. Nak bawa balik murid ke rumah ini kurang. Ada itu ada tapi kurang. *Tak* [tidak] tahulah jiwa---. Sekarang ini banyak sangat kerja, cikgu-cikgu katalah banyak kerja wallahualam. Saya tak tahu tapi saya rasa bila kita ambil murid itu balik rumah, kerja kita pun ringan kalau perempuan dia tolong. Tolong kerja di rumah. Kita ajak bersama-sama buat kerja rumah. Itulah pandangan saya kalau cikgu-cikgu sekarang ini berceritalah selalu bercerita tentang masalah murid, saya akan minta dia itulah beri perhatian khusus kepada murid yang tertentu yang susah yang nakal. Kena korbankanlah, korban duit korban masa.

AZ : Seterusnya, bagaimana pula dengan pandangan puan terhadap sesetengah ibubapa yang membela anak-anak dan suka mempertikaikan tindakan

sekolah terhadap anak mereka?

PZ : Itu yang susahnyanya. Itu yang menyebabkan murid jadi berani jadi kurang ajar sebab mak ayah dia *tak* [tidak] tunjukkan yang positif. Itu pun silap guru pun ada juga. Mana yang marah-marah itu bangkit keturunan murid itu, bangkitkan mak ayah dia. Jadi, mak ayah marahlah. Jadi ada itulah bila kita marah murid, kita kena ada apa ini kita kena pujuk semulalah. Bila kita dah marah, jangan biarkan terus marah pada murid. Jangan terus membenci murid, jangan terus membenci mak ayah, jangan perlekehkan mak ayah dia. Memang itu dia marah. Kalau kita perlekeh mak ayah dia, memang dia akan menjauhi diri dari kita. Jadi kita dekati dia, kita dekati juga mak ayah dia supaya ---. Ya lah, susah itu memang susah tapi kita terpaksa dengar kalau mak ayah dia tunjuk biasalah mak ayah tunjuk pandai biasa. Macam dia membela anak dia, tentulah dia kata anak dia itu yang betul. Kita terpaksa tahan telinga dulu peringkat awal. Jangan cepat *give up* [putus asa]. Kita terpaksa dengar terpaksa layan dululah. Dia yang jadi begitu mak ayah yang membela anak. Kalau anak buat salah pun dia bela. Kalau anak marah guru kalau anak tengking guru, mak ayah bela juga menyalahkan guru. Jadi itu yang antara *gap* [jurang] antara jurang antara guru dengan mak ayah itu yang perlu dirapatkan. Jangan ada *gap* [jurang]. Jadi macam zaman berbalik kena --- saya sebenarnya setuju dengan pendidikan zaman dulu. Ibu bapa dengan cikgu sama-sama turun padang, sama-sama bekerja dalam masyarakat, sama-sama kalau orang meninggal sama-sama dalam majlis. Sekarang ini dah tiada. Itu yang jadi ada *gap* [jurang] antara guru dengan masyarakat, antara guru dengan ibubapa. Zaman dulu _ cikgu-cikgu dihormati kerana cikgu sama-sama dalam masyarakat. Cikgu bersama-sama ibu bapa. Jadi ibu bapa tidak berani nak tunjuk nak mengutuk guru depan anak.

AZ : Seterusnya apa pandangan puan terhadap sesetengah guru yang pilih kasih? Pernahkah perkara ini berlaku sepanjang khidmat puan?

PZ : Pilih kasih, wallahualam. Pilih kasih ini kadang-kadang timbulnya atas perasaan

murid itu saja. Saya *tak* [tidak] pasti betul-betul berlaku atau tidak. Maksudnya contohnya cikgu ini baik dengan anak orang kaya, contohnya lah. Ya lah wallahualam saya *tak* [tidak] pasti ada pilih kasih macam itu orang-orang miskin *tak* [tidak] dilayan, orang kaya saja dilayan. Saya *tak* [tidak] pastilah tapi itu satu yang sangat *tak* [tidak] bagus. Kita *tak* [tidak] bolehlah nak buat pilih kasih antara murid. Itu yang menyebabkan murid menjauhkan diri dari cikgu. Murid lagi *tak* [tidak] suka ke cikgu. Bila *tak* [tidak] suka cikgu dia terbawa-bawalah sampai rumah. Bawa-bawalah pada isu ponteng *taknak* [tidak mahu] datang sekolah sebab *tak* [tidak] suka cikgu itu. Tambah lagi bila di rumah mak ayah sama juga mengutuk cikgu. Memang bagi saya cikgu yang pilih kasih ini kalau pun adalah *tak* [tidak] sepatutnyalah dia jadi cikgu. *Tak* [tidak] sepatutnya pada saya. Dia *tak* [tidak] menjiwai profesion perguruan pada sayalah.

AZ : Bagi puan, bagaimana sikap guru yang pilih kasih ini boleh menjejaskan pelajar maksudnya dari segi akademik mereka?

PZ : Kalau pilih kasih, murid akan benci cikgu itu. Murid yang biasa ini yang tertindas itu yang disukai yang dikasihi cikgu itu memanglah dia seronoklah. Tapi yang tidak dikasihi ini dia akan menjauhi diri daripada cikgu. Bila dia jauhkan diri, memang dia tidak suka apa-apa aktiviti cikgu itu buat memang dia tidak akan terlibat, dia tidak akan *join* [sertai] tidak akan terlibat. Dia membenci cikgu malah bukan membenci cikgu, dia memberi profesion perguruan. Memang kesan buruklah kepada murid kalau yang jadi mangsa. Kalau yang dikasihi itu pun belum tentu lagi elok perangai sebab bila cikgu kasih dia, dia ambil peluang yang mana yang malas itu bertambahlah malasnyalah. Cikgu suka dia sebab bukan kerana dia *tapi* [tetapi] kerana hal-hal lain. Kerana dia anak orang kaya, kerana dia anak cikgu juga anak kawan. Jadi pilih kasih, orang lain kena buat kerja berat dia *tak* [tidak] buat kerja berat misalnyalah. Jadi itu dah satu *disadvantage* [keburukan] kepada budak itu. Pengalaman dia jadi kurang kalau cikgu *tak* [tidak] ajak dia bersama-sama. Pada saya, murid yang dikasihi itu pun rugi, murid yang jadi

mangsa pun apatah lagi akan rugi kalau ada guru yang pilih kasih.

AZ : Seterusnya, bagaimana puan memotivasikan diri untuk bersemangat menyumbang tenaga dan masa untuk membantu pelajar-pelajar?

PZ : Memotivasi diri. Saya ini lebih saya dari golongan bukan orang berada, jadi bila nak motivasi murid untuk jadi untuk berjaya, jadi saya selalu bagi nasihat selalu ya lah sebab saya suka mendekati murid jadi dalam mendekati itu kita sama-sama lihat tengok contoh-contoh tengok macam mana orang-orang yang dah berjaya macam mana latar belakang dia. Orang yang dah berjaya semuanya bukan orang kaya. Semua asal daripada orang miskin. Jadi itu antara cita-cita yang saya suka sampaikan kepada murid supaya jadi contoh supaya jadi motivasi pengerak pencapaian. *Achievement motivation* [motivasi pencapaian] kepada pelajar. Jadi untuk nak memajukan itu nak membetulkan hala tuju hidup seorang pelajar itu, memanglah kena bagi motivasi kena bagi contoh teladan, kena cari cerita-cerita kejayaan kisah-kisah kejayaan orang-orang yang sekarang ini berjaya. Macam mana apa yang dia buat, bagaimana dia menggunakan masa, macam mana dia ketekunannya, usahanya. Dari situ bila ada contoh-contoh jadi *public figure* [tokoh masyarakat] ini, kita ketengahkanlah supaya murid tahu. Murid jadikan dia sebagai contoh teladan. Kalau kita hanya nasihat semata-mata tiada *figure* [tokoh] itu tiada orang yang patut dicontoh, agak kurang berkesanlah. Tapi kalau ada *figure* [tokoh] itu lebih berkesan.

AZ : Sekarang Malaysia sedang berapa dalam tempoh PKPB, jadi apakah pandangan puan terhadap gaya pembelajaran yang berkonsepkan ‘online learning’?

PZ : Sekarang ini istimewalah sekarang musim PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ini agak istimewa kerana semua benda boleh berlaku asalkan pembelajaran boleh dilaksanakan. Tapi itulah agak pelik jugalah saya rasa bila tiada berjumpa bila

guru tidak berjumpa dengan murid jumpa dalam maya saja. Orang yang aktif, orang yang ada kemudahan okaylah Alhamdulillah. Orang yang jauh duduk pedalaman *line* [talian] internet tiada, nak *online* [dalam talian] macam mana. Itu yang Sabah itu duduk atas pokok, duduk atas bukit cari *line* [talian]. Jadi bagi orang yang tiada kemudahan itu malanglah. Jadi kita boleh kata orang-orang begitu agak ketinggalan terpinggir jadinya. Duduk satu kemudian kemudahan. Kalau orang duduk bandar ada juga, duduk bandar ada *line* [talian] senang tapi dekat rumah ada satu saja computer, ada satu saja *handphone* [telefon bimbit]. Jadi semua nak bergantung pada satu *handphone* [telefon bimbit]. Berebut anak-anak pada satu. Itu pun satu bentuk kekurangan kelemahan sistem ini, sistem *online* [dalam talian] ini. Hanya orang tertentu sajalah. Orang senang orang kaya orang ada kemudahan bolehlah dapat semua. Tiada masalah pembelajaran macam mana pun tapi orang yang kurang kemampuan. Kita nak atasi semua dalam masa ini memang mustahillah. Jadi pembelajaran *online* [dalam talian] itu memanglah satu pilihan tapi bukan pilihan yang terbaik sebab dia tidak menyeluruh. Dia hanya kepada orang tertentu, dia tidak menyeluruh. Pembelajaran tidak menyeluruh. Itulah kelemahan tapi daripada tiada baik ada kan. Bila tak belajar baiklah belajar.

AZ : Seterusnya, apakah pandangan puan terhadap “Minggu Destini Siswa” yang selalu dilakukan di universiti untuk pelajar baharu? Adakah puan rasa ia merupakan sesuatu yang bermanfaat bagi pelajar untuk mengenali tentang universiti mereka?

PZ : Saya rasa ini program yang memang dah lama ada. Memang di universiti ada untuk pelajar-pelajar baru. Memang bagi saya ia satu benda yang bermanfaat kalau tidak kalau harapkan pelajar itu didedahkan semua agak makan masa yang lamalah tetapi bila ada minggu yang begini, Minggu Destini kalau dulu orientasi. Dulu orientasi kalau tiada ini kita jadi pelajar jadi lambat mengetahui segala aspek selok-belok di universiti. Tapi kadang-kadang orang menyalahguna minggu ini.

Objektif dia memang bagus tapi dari segi pelaksanaannya. Pelaksanaannya kadang-kadang disalahgunakan. Jadi ada kumpulan-kumpulan yang menangguk di air keruh, yang ini yang menyebabkan ramai yang tak suka kepada minggu destini ini oleh kerana kumpulan tapi kumpulan ini tak ramai. Kalau dah kalau misalnya kesan positif itu lebih baik, kumpulan-kumpulan ini tenggelam begitu sahaja dan saya rasa taklah kerana kumpulan-kumpulan begini kita nak batalkan. Bagi saya, satu yang baik bagi pelajar baru dan janganlah ada yang menangguk di air keruh ini kita nak batalkan program ini. 2 minggu destini?

M : **Seminggu?**

PZ : Seminggu, dulu-dulu 2 minggu. Satu memang pada saya bagus patutnya teruskan.

AZ : **Apakah pandangan puan terhadap pembelajaran pada zaman puan dengan zaman sekarang?**

PZ : *Tak* [tidak] boleh nak sama. Zaman saya belajar zaman yang tiada kemudahan internet. Zaman sekarang semuanya di hujung jari. Malah boleh katakana *baby* [bayi] pun tahu menggunakan internet sekarang ini, tahu nak tekan telefon, tahu nak tengok. Jadi kalau orang yang menolak pembangunan menolak kaedah pembelajaran sekarang jadi akan rugilah dari segi --- tapi jangan pula terlalu keterlaluan. Ada orang ada *parents* [ibubapa] yang terlalu mengikut pembangunan sampai anak semuanya ada *handphone* [telefon bimbit]. Semua masing-masing duduk tengok *handphone* [telefon bimbit] sepanjang masa sampai komunikasi antara adik-beradik pun tiada. Itu satu kelemahan juga. Jadi pembelajaran zaman kini memang baik tapi kalau disalahgunakan dia memudaratkan berbanding dengan kami zaman dulu, pembelajaran orang dulu dengan apa yang ada yang terhad pada waktu itu. Jadi tiada aspek yang boleh melekakan. Macam ini katakan sekarang ini kadang-kadang jadi leka kerana salah guna, tersalah guna kemudahan internet yang ada. Jadi kalau kata pandangan, zaman saya belajar cara zaman saya

itu baiknya ialah tiada orang yang akan leka dengan gajet. Zaman sekarang dapat ilmu banyak dari gajet tapi kadang-kadang jadi gajet itu jadi memusnahkan dia meleka. _ _ maknanya kalau orang tak pandai tak tahu menggunakan masa habislah, tiada *control* [kawalan] habislah rosak.

AZ : Apakah prinsip hidup yang puan selalu terapkan dalam diri puan sendiri?

PZ : Saya memegang prinsip kita ada biarlah membantu jangan menyusahkan orang. Itu yang saya pegang dari dulu. Adanya kita wujudnya kita dimana-mana biarlah wujud kita itu ada makna iaitu membantu jangan menyusahkan jangan membebankan orang lain. Makna sekarang saya dah tak bekerja saya bergiat dalam _ NGO, jadi biarlah apa-apa yang adanya saya itu dalam NGO itu bukan sekadar ada tapi boleh membantu orang lain. Itulah prinsip saya. Ada biar membantu.

AZ : Soalan seterusnya, sekiranya puan merupakan seorang Menteri Pendidikan, apakah yang puan akan lakukan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara kita sekarang?

PZ : Sebagai Menteri Pendidikan [ketawa]. Sekarang ini kalau sebagai menteri, fokus dia sekarang ini nak kejar pembangunan pendidikan taraf dunia tau. Dia *tak* [tidak] pandang Malaysia saja, kena tingkatkan mutu pendidikan negara kita selari dengan pendidikan negara-negara yang maju. Kita *tak* [tidak] pandanglah pendidikan negara yang lemahkan negara mengundur, kita pandang negara yang maju. Jadi, nilaikan semula buat penilaian semulalah sejauh mana kedudukan pendidikan di Malaysia ini. Kalau ikut *ranking* [peringkat], Singapura duduk di atas pada kita, Thailand atas pada kita. Jadi sebab kalau sebagai Menteri Pendidikan itulah kena buat tingkatkan mutu pendidikan negara selari dengan negara-negara yang maju. Maknanya, sijil ataupun ijazah ataupun diploma itu boleh digunakan untuk kerjaya seseorang warga Malaysia. Jangan ada sijil tapi *tak*

[tidak] boleh guna sijil gantung dekat dinding sjil tiada. Itu dia dengan kata saya jelah. Sijil gantung dekat dinding, kerja tiada. Duit habis dah belajar sebab apa yang kita belajar itu kita tidak boleh nak *apply* [memohon]. *Tak* [tidak] boleh nak *apply* [memohon] sebab mutu pendidikan dunia terlalu laju terlalu tinggi. Tapi alhamdulillah setakat ini nampak Menteri Pendidikan kita tiadalah menyebabkan kita ketinggalan jauh. Ketinggalan sikit itu biasalah.

AZ : Apakah perbezaan yang puan dapat lihat tentang sistem pendidikan dahulu dan sekarang?

PZ : Sistem pendidikan dahulu. Dahulu sistem pendidikan berfokus kepada guru, sekarang ini tak lagi berfokus kepada guru. Guru sebagai pemudah cara fasilitator *je* [sahaja] sebenarnya. Sekarang ini pendidikan berfokus kepada kemudahan gajet kemudahan internet kemudahan canggih dengan apa yang ada sekarang. Jadi itulah bezanya. Sistem dulu kita berfokus, sistem berfokus sekarang dah *tak* [tidak] berfokus. Dulu berfokus pada guru, sekarang dah *tak* [tidak] berfokus pada guru dah. Tapi *tak* [tidak] boleh tiada guru sebab guru pemudah cara dan guru *tak* [tidak] boleh --- sebenarnya guru dia lagi berat tugas dia sebab dia kena lebih tahu, dia kena lebih pandai daripada murid. Jangan sampai nanti murid yang ngajar cikgu. Maknanya bila ada perkembangan pendidikan macam ini, guru jangan ketinggalan. Kalau tidak guru tidak boleh jadi fasilitator. Fokus murid kepada internet tapi guru adalah fasilitator. Kalau dulu fokus murid kepada guru saja, sekarang fokus murid dah banyak. Cikgu kenalah pandai kalau cikgu tak pandai macam mana cikgu nak mendidik nak membetulkan murid.

AZ : Apakah pandangan puan terhadap sesetengah masyarakat terutamanya lepasan ijazah pada masa kini yang sering memandang rendah terhadap bidang perguruan?

PZ : Lepasan ijazah yang memandang rendah kepada perguruan maksudnya *taknak*

[tidak mahu] jadi cikgulah. Dia *taknak* [tidak mahu] jadi cikgu ini ada dua kemungkinan yang saya nampaklah. Pertamanya memang dia tiada ciri-ciri untuk jadi cikgu. Yang keduanya, bidang pendidikan ini merata-rata kerjanya merata-rata bukan di bandar sedangkan sesetengah masyarakat itu memang suka lepasan ijazahlah memang suka duduk di bandarlah *taknak* [tidak mahu] duduk di luar bandar. Jadi bila jadi cikgu kena hantar jauh sampai ke pedalaman Sabah, pedalaman Sarawak. Jadi dia pandang rendahlah pada bidang perguruan sebab memang bukan kerana dia tidak minat pendidikan perguruan itu tapi dia *tak* [tidak] minat pada suasana, tempat tinggal. Itu yang menyebabkan dia pandang rendah. Duduk di kampung-kampung jauh. Jadi dia pandang rendahlah. Bukan kerana pada sayalah bukan kerana dia *tak* [tidak] minat pada bidang perguruan tapi dia *tak* [tidak] minat suasana. Kerja di bandar kalau bukan bidang perguruan ini, dengan pakaian kemas, duduk tempat *aircond* [penghawa dingin], duduk dalam bandar. Sesetengah orang dia *tak* [tidak] dia lebih mengutamakan yang begitu bergaya jadi bila bergaya duduk di bandar kerja swasta ataupun kerja-kerja yang bukan perguruanlah yang dia pilih. Malah takut, sesetengah orang takut sebut pendidikan “Kena kerja jauh”. Dia takut kena masuk dalam hutan, masuk dalam kampung untuk nak kerja.

AZ : Pada pendapat puan, apakah yang dapat dilakukan untuk menarik minat ijazah terhadap bidang perguruan ini?

PZ : Itulah dia bila *tak* [tidak] berminat itu dan dia takut yang susahny dia *takkan* [tidak akan] memilih jadi sebenarnya kerajaan sudah pun ambil tindakan sekolah-sekolah di luar bandar. Kalau kita tengok canggih, cantik. Saya pergi ke sekolah orang asli di daerah pedalaman Raub. Saya terkejut tengok sekolahnya cantik sangat. Rupanya nak buat sekolah itu bukan main mahal belanja, bawa batu-batan dengan helikopter, bawa barang-barang binaan dengan helikopter sebab jalan tiada. Jalan masuk tiada. Jadi cantik, jadi orang yang datang duduk situ dia memang *tak* [tidak] boleh nak keluarlah tapi tengok sekolah cantik, tengok _

cantik, kemudahan canggih ada juga yang memang seronoklah. Jadi bila mula nak pergi rasa tak nak tapi bila dah pergi dia seronok. Jadi maknanya untuk nak menarik minat dalam pendidikan ini, kawasan-kawasan luar bandar itu kena tingkatkan kemudahan sekolah, kemudahan tempat tinggal. Semualah kemudahan alat bantu mengajar malah kemudahan komputer pun kena lengkap kena canggih barulah orang minat nak jadi cikgu. Sekarang dia *tak* [tidak] minat sebab dia takut. Di luar bandar duduk macam mana, mandi nanti entah air macam mana. Semua baca dulu, semua dikaji dulu yang negatifnya. Jadi bila --- itu menunjukkan dia rasa takut. Jadi kita aspek-aspek negatif itu kena diatasi. In Shaa Allah sebenarnya alhamdulillah kerajaan dah buat. Banyak dah sekolah-sekolah bandar bukan main canggih cantik.

AZ : Jadi apakah harapan puan terhadap generasi pada masa zaman sekarang?

PZ : Harapan kepada generasi. Sekarang ini ada yang sedar apa yang kita dah ketinggalan tapi ada yang masih leka. Jadi saya mengharap kalau mengharapkan murid saja tak jadi, jadi saya harapkan kepada masyarakat, ibu bapa malah kepada pemimpin-pemimpin masyarakat sekali pun bersama-sama kita membentuk generasi sekarang supaya sedar tentang kelemahan-kelemahan orang yang tiada pelajaran. Contohnya kita tengok sekarang ini orang yang *tak* [tidak] sedar lagi. Kumpulan-kumpulan anak muda yang merempit, anak muda yang siang tidur malam berjaga. Kumpulan-kumpulan ini memang merupakan generasi yang tak sedar dirilah dengan kata lain *tak* [tidak] sedar diri. Kita tengok sekarang ini, nak bangun tahajud *taknak* [tidak mahu] tapi duduk atas jalan raya pukul 3 pagi nak berlumba boleh pula. Nak panggil program-program qiamullail ke *takkan* [tidak akan] nak sebab kononnya tengah waktu tidur tapi duduk jalan raya boleh. Kumpulan yang begini memang kumpulan yang rugi dan kita sebagai orang yang sebagai cikgu sebagai bekas cikgu saya, kadang-kadang bila saya tengok begitu “Allah ruginya”. Malangnya nasib mak ayah dia dapat anak macam ini. Lepas itu terfikir juga siapalah nak betulkan anak-anak ini kalau mak ayah dia

tak [tidak] dapat betulkan siapalah nak membetulkan anak-anak. Yang sekolah itu bolehlah lagi ada masa cikgu dia boleh betulkan tapi kalau dah *tak* [tidak] sekolah dah berhenti dah habis. Dah habis sekolah tapi jadi penagih dadah, jaga malam-malam meronda bermotosikal berlumba malam sebagainya. Jadi kumpulan yang rugi. Jadi nak sama-sama kita nak bentuk generasi ini *tak* [tidak] boleh kerja sendirianlah kena ada program khas kena ada orang mengerakkannya. Siapa orang itu wallahualam. Seorang tak boleh cikgu dia tak mampu, kena gerakan menyeluruh semua pihak. Masa PKP dulu seronoklah tiada orang boleh keluar malam. PKP yang pertama lenggang dah jalan raya tiada budak dah berlumba malam tak bising. Rumah tepi jalan dia tahu bising tak bisingnya. Sekarang ini dah balik semula dah malam-malam minggu. Jadinya kena buat sesuatu supaya tiada murid tiada orang yang keluar malam. Itulah *parents* [ibubapa] kadang-kadang dia biarkan anak dia. Dia *tak* [tidak] ambil kisah anak dia, dia tiada di rumah tidur rumah kawan ke. Itu yang puncanya. Punca masalah, kawalan mak ayah kepada anak-anak sekarang ini. Kawalan lemah *tak* [tidak] dapat kawal. Dengan kata lain, mak ayah *tak* [tidak] dapat kawal anak dia. Kata dia tak dibeli motor kesian, orang lain ada motor. Dia belikan anak dia motor juga dah tahu anak dia dengan motor itulah yang merempit. Motor itulah yang berlumba atas jalan raya. Jadi nak sikap mak ayah zaman sekarang ini memang kena ubahlah. Lepas itu, kawalan kalau polis meronda malam-malam tangkap itu mungkin. Tangkap budak-budak yang berkeliaran ini saman mak ayah dia. Kadang-kadang saya terfikir itu kenapalah ya kalau kena tangkap mungkinlah kena saman, mak ayah itu malu. Anak kena tangkap pun dah malu, apa saman lagi. Harapnya begitulah tapi *tak* [tidak] tahulah. Itu pandangan secara peribadi yang saya rasa. Pandangan peribadilah yang saya tengok itu. Kawalan penjaga kurang. Generasi saya peringkat tua, generasi pertengahan mak ayah sekarang, generasi muda anak-anak. Jadi, generasi pertengahan ini yang kena banyak bertindak kawal generasi yang ketiga anak-anak. Generasi yang pertama ini mungkin boleh merancang tapi nak bertindak dah terlepas masa. Generasi yang kedualah yang sepatutnya bertindak kawal anak-anak, kawal golongan muda. Kawal generasi sekarang supaya jadi orang yang berguna. Contoh macam di Thailand, golongan muda ini

sangat berguna, sangat membantu dalam semua bidang. Bidang pertanian, bidang pelancongan. Kita bidang pertanian banyak buruh indon, bangla. Bidang pembangunan pun banyak buruh *indon* [Indonesia], banyak buruh *bangla* [Bangladesh]. Anak-anak muda kita merempit. Jadi generasi-generasi ---

AZ : Bagaimana pula nasihat yang dapat puan berikan kepada para pendidik?

PZ : Para pendidik jangan putus asa, jangan cepat mengalah. Selagi kita sebagai pendidik selagi itulah pendidik ini sepanjang hayat. Selagi itulah kita kena bawa murid-murid ini kena beri kesedaran kepada murid-murid kepada anak didik supaya tahu menggunakan masa, tahu menggunakan peluang dan ruang yang ada, tahu masa depan. Itu peranan pendidiklah, menguruskan mendidik murid supaya menjadi orang yang berguna.

AZ : Untuk soalan yang terakhir, apakah pula harapan puan terhadap sistem pendidikan di Malaysia?

PZ : Sistem pendidikan, ini macam Menteri Pendidikan nak bercakap. Sistem pendidikan Malaysia dah sampai masanya berubah sebab lama dah lama sangat dah daripada saya bekerja sekarang sampai saya pencen. Sikit perubahan itu ada kepada peralatan ya tapi kepada *content* [kandungan], kepada isi kandungan pelajaran *tak* [tidak] banyak berubah. Jadi yang itu yang perlu yang saya harapkan kepada kerajaan kepada kumpulan atasan supaya kaji balik sistem pendidikan selaraskan dengan kehendak semasa, kehendak dunia sekaranglah. Kaji balik itu saja, kaji balik buat yang selari dengan kehendak sekarang dengan kemajuan pada hari ini.

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Zabedah binti Osman di sepanjang berkhidmat sebagai seorang pengetua dan Ketua Sektor Jaminan Kualiti Jabatan Pendidikan Pahang. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan

kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

Atehmies. (January 9, 2011). Maksud pendidikan oleh beberapa org sarjana Islam & barat.

Retrieved from <http://atehmies.blogspot.com/2011/01/maksud-pendidikan-oleh-beberapa-org.html>

Dr. Ismail Sulaiman (2019, January 27). Kualiti pendidikan Malaysia antara terbaik di dunia.

Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/9910/KOLUMNIS/Pendidikan-Malaysia>

Kementerian Pendidikan Malaysia (2020, September 09). Sistem pendidikan. Retrieved from

<https://www.moe.gov.my/dasarmenu/sistem-pendidikan>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Mardiana Ikhmar dan Nur Azilah menemubual Puan Hajah Zabedah binti Osman, yang dilahirkan pada tahun 1953 di Kampung Langgar, Pekan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Taman LKNP, Peramu Jaya, Pekan, mengenai pengalaman beliau dalam bidang pendidikan dari tahun 1977 hingga 2011.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
1.50	Menerangkan asal-usul dan tempat tinggal	Pekan Pahang
3.53	Menerangkan mengenai kelima-lima anak beliau yang berjaya dalam karier masing-masing.	
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH		
4.44	Mendapat pendidikan awal persekolahan pada tahun 1960 hingga 1965.	Sekolah Kebangsaan Sungai Lembing
5.35	Bercita-cita menjadi seorang guru sejak sekolah rendah kerana idolanya seorang guru.	Bapa saudara
7.30	Menceritakan anugerah yang pernah diterima semasa di sekolah.	Anugerah Pelajar Terbaik
8.35	Menerangkan mengenai guru kegemaran semasa di sekolah.	Cikgu Hamidah Awang.
7.08	Menceritakan tentang penglibatan beliau dalam sukan hoki	Pemain Hoki Sekolah
11.05	Menceritakan pengalaman semasa di zaman persekolahan.	Cedera terkena kayu dan bola hoki, pengsan
12.38	Menerangkan tentang institusi yang dimasuki untuk menyambung pelajaran	Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Universiti

	selepas tamat SPM.	Kebangsaan Malaysia (UKM)
12.58	Menerangkan kursus yang diambil semasa Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	Diploma Pendidikan (Geografi dan Bahasa) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Psikologi Sosial)
BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL TOKOH		
16.44	Kriteria untuk menjadi seorang guru.	Diploma Pendidikan (pada ketika itu)
19.22	Cabaran ketika mula-mula berkhidmat sebagai seorang guru.	Ramai pelajar Cina dan masalah komunikasi
21.48	Menjelaskan tentang cara pembelajaran yang digunakan ketika di dalam kelas.	Pendahuluan, perkembangan isi, penghuraian dan penutup
21.24	Menerangkan nasihat yang selalu diberikan kepada para pelajar.	Tiada orang boleh mengubah nasib kita melainkan kita sendiri
25.50	Menerangkan proses penilaian pelajar yang digunakan pada zaman dahulu.	Tidak banyak perbezaan (Peperiksaan bulanan, penggal, pertengahan tahun dan hujung tahun)
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA		
28.30	Menjelaskan jangka masa berada dalam bidang pendidikan.	34 tahun (1977 – 2011)
28.58	Menerangkan tentang keistimewaan bidang pendidikan.	Dekat dengan masyarakat dan pendekatan dengan murid dan ibu bapa.
32.05	Menjelaskan penglibatan beliau dalam bidang politik	Ketua Wanita

37.09	Menerangkan tentang peranan pengetua sekolah.	Bertindak dengan tepat, mengkaji latarbelakang, proaktif, dan tegas.
BAHAGIAN 5: ANUGERAH		
44.07	Menerangkan tentang Anugerah Tokoh Guru yang dimenangi.	Anugerah Tokoh Guru peringkat Daerah (2014 dan 2015) Anugerah Tokoh Guru peringkat Negeri (2016)
46.33	Menjelaskan tentang kriteria untuk mendapat Anugerah Tokoh Guru	Sumbangan kepada sekolah, masyarakat dan negara
53.11	Menerangkan tentang Anugerah Tokoh GPMS yang dimenangi.	Tokoh Pengerak Veteran GPMS 2014
56.03	Menjelaskan tentang anugerah yang diterima semasa berkhidmat di bawah Jabatan Pendidikan Pahang.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
56.22	Menjelaskan tentang anugerah yang diterima semasa berkhidmat di sekolah.	Anugerah Istana AAP (AHLI AHMAD SHAH)
57.21	Menerangkan anugerah-anugerah lain yang diterima semasa berkhidmat di Jabatan Pendidikan Pahang.	Anugerah Pemimpin ICT Daerah 2006 Johan ICT Peringkat Negeri 2007
BAHAGIAN 6: SUMBANGAN		
1.00.42	Menerangkan tentang sumbangan yang pernah diberikan.	Pelbagai (termasuk memberi ceramah dan membentangkan kertas kerja)
1.01.44	Menerangkan tentang sumbangan semasa	Setiausaha Lembaga Kebajikan

	pandemic Covid-19.	Perempuan Islam Daerah Mengumpul dana dan memberikan sumbangan kepada orang yang terkesan dan terpaksa berhenti kerja
BAHAGIAN 7: HARAPAN		
1.05.34	Menjelaskan tentang pendekatan yang diambil ketika berdepan dengan pelajar nakal.	Pendekatan terbaik dengan pelajar
1.19.40	Menerangkan cara memotivasikan diri untuk membantu pelajar.	Memberi contoh tokoh-tokoh yang berjaya dan berasal daripada keluarga yang susah
1.30.03	Menerangkan tentang prinsip hidup yang selalu diterapkan dalam diri.	“Kita ada biarlah membantu jangan menyusahkan”

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00ptg-2.30ptg	20 Okt 2020	<p>Penerangan tugas sejarah lisan</p> <p>Pensyarah memberi ulasan berkaitan dengan sejarah lisan dan kami diberi arahan untuk mencari seorang Alumni UiTM dari tahun 1968-1972 untuk ditemubual.</p>	Catatan awal dibuat untuk mencari tokoh Alumni UiTM yang bersesuaian.
10.00pg-9.00mlm	24 Okt 2020	<p>Pencarian tokoh</p> <p>Kami berbincang untuk mencari tokoh Alumni UiTM yang menepati kriteria.</p>	Carian tokoh dilakukan menggunakan platform 'google', dan 'facebook'.
2.00ptg-3.00ptg	27 Okt 2020	<p>Pertukaran tema sejarah lisan</p> <p>Pensyarah telah menukar tema sejarah lisan kepada <i>Local Content</i> iaitu tokoh yang berkaitan dengan budaya dan warisan kita.</p> <p>Pensyarah menerangkan tentang beberapa kriteria yang diperlukan oleh tokoh tersebut untuk ditemubual.</p>	Catatan dibuat untuk persediaan mencari tokoh berkaitan budaya dan warisan.
2.00ptg-3.00ptg	28 Okt 2020	<p>Pemilihan tokoh</p> <p>Kami telah berbincang berkaitan pemilihan tokoh yang sesuai untuk ditemubual. Kami menyenaraikan 2 orang tokoh</p>	<p>Kami mencari tokoh yang sesuai menggunakan platform 'google'.</p> <p>Kami</p>

		terlebih dahulu sebelum memutuskan sama ada memilih salah seorang daripadanya.	menyenaraikan 2 nama tokoh yang menepati kriteria. Kami memutuskan untuk memilih Tokoh Anugerah Guru iaitu Puan Zabedah Osman.
2.00 petang	3 Nov 2020	Hantar abstrak kepada pensyarah Abstrak telah disiapkan mengikut kepada format dan contoh yang telah diberi oleh pensyarah dan dihantar melalui <i>google classroom</i> .	Kami menulis abstrak berkaitan tokoh dan menghantar kepada pensyarah menggunakan <i>google classroom</i> .
10.00 pagi	7 Nov 2020	Pembetulan abstrak Pensyarah telah memulangkan abstrak untuk diperbaiki semula dengan menambah beberapa maklumat yang telah dinyatakan oleh pensyarah dan setelah itu kami menghantarkannya semula.	Kami dikehendaki oleh pensyarah untuk membetulkan abstrak. Kami membaiki abstrak mengikut komen yang telah diberikan oleh pensyarah.
2.00ptg-3.00ptg	17 Nov 2020	Pensyarah mengagihkan surat pengesahan projek yang perlu diberikan kepada tokoh sebelum memulakan sesi temubual kepada setiap kumpulan di aplikasi <i>whatsapp</i> .	Pensyarah mengagihkan surat pengesahan projek kepada pelajar. Surat pengesahan projek disimpan untuk diberikan kepada tokoh.
10.00 pagi	22 Nov 2020	Membuat pesanan ringkas melalui <i>whatsapp</i> untuk meminta	Kami mendapatkan nombor telefon

		<p>persetujuan daripada tokoh bagi menemubual beliau dan diterima olehnya.</p>	<p>tokoh dari sumber yang berkenaan.</p> <p>Kami menghantar <i>whatsapp</i> kepada tokoh dan menjelaskan dengan teliti tentang projek serta meminta persetujuan untuk menemubual tokoh.</p>
8.00 malam	23 Nov 2020	<p>Sediakan proposal</p> <p>Kami berbincang untuk membuat proposal selepas mendapat persetujuan daripada tokoh untuk ditemubual. Beberapa bahagian di dalam proposal tersebut telah bahagi sama rata untuk disediakan.</p>	<p>Kami membahagikan sama rata isi-isi penting di dalam proposal dan membuat proposal mengikut format yang ditetapkan.</p>
2.00 petang	26 Nov 2020	<p>Menghantar proposal dan <i>preliminary preparation</i> yang telah disediakan telah dihantar kepada pensyarah.</p>	<p>Kami menghantar proposal dan <i>preliminary preparation</i> yang sudah disediakan kepada pensyarah menggunakan aplikasi <i>google classroom</i>.</p>
11.00 pagi	27 Nov 2020	<p>Sediakan soalan temubual</p> <p>Beberapa soalan yang berkait dengan tokoh telah disediakan mengikut <i>interview outline</i> yang disediakan oleh pensyarah.</p>	<p>Kami mencari maklumat contoh soalan temubual di google.</p> <p>Kami menyediakan sebanyak 100 soalan temubual.</p>

10.00 pagi	6 Dis 2020	Menghantar soalan kepada pensyarah Soalan temu bual dihantar kepada pensyarah untuk diperiksa sama ada soalan-soalan tersebut bersesuaian untuk digunakan.	Kami menghantar soalan temubual kepada pensyarah untuk disemak.
3:30 petang	9 Dis 2020	Pensyarah memulangkan semula soalan temubual untuk diperbaiki bahagian yang kurang dan tidak sesuai.	Pensyarah memulangkan soalan temubual dan memberikan komen.
2.00 petang	14 Dis 2020	Pensyarah meminta kami untuk memilih tarikh dan masa yang sesuai untuk berbincang mengenai soalan temubual di <i>google meet</i> .	Kami berbincang untuk memilih tarikh yang bersesuaian untuk mengadakan <i>google meet</i> bersama pensyarah.
2.00 ptg-3.00ptg	15 Dis 2020	Mengadakan <i>google meet</i> dengan pensyarah Pensyarah melakukan perjumpaan melalui aplikasi <i>google meet</i> bersama beberapa kumpulan termasuk kami untuk berbincang mengenai soalan temubual yang telah dibuat.	Kami membuat perjumpaan bersama pensyarah di <i>google meet</i> . Pensyarah membincangkan tentang soalan temuduga dan memberitahu perkara yang harus diperbaiki.
8.00 malam	28 Dis 2020	Membuat pesanan ringkas melalui <i>whatsapp</i> kepada tokoh untuk bertanya dimana beliau selesa untuk melakukan sesi	Kami menghantar <i>whatsapp</i> kepada tokoh untuk bertanya tempat temubual dijalankan

		temubual tersebut.	mengikut keselesaan tokoh.
9.00mlm-10.00mlm	30 Dis 2020	Kami membuat latihan menemubual dengan membaca soalan-soalan yang akan ditanyakan kepada tokoh.	Kami membuat latihan menemubual menggunakan aplikasi <i>google meet</i> .
5.30 petang	31 Dis 2020	Membuat pesanan ringkas melalui <i>whatsapp</i> kepada tokoh untuk mendapatkan kepastian beliau berkaitan tempat untuk melakukan sesi temubual. Soalan temubual yang telah dibetulkan juga telah dihantar kepada tokoh setelah beliau bersetuju melakukan sesi temubual di rumahnya.	Kami bertanya untuk kali kedua tentang tempat temubual dijalankan kepada tokoh. Kami menghantar soalan temubual kepada tokoh sebagai persediaan untuk sesi temubual yang akan dijalankan.
10.00pg-12.00pg	1 Jan 2021	Perjumpaan bersama dengan tokoh Surat perjanjian sejarah lisan diberi kepada tokoh terlebih dahulu sebelum memulakan sesi temubual. Perjumpaan berlaku di rumah tokoh di Pekan untuk melakukan sesi temubual.	Sesi temubual dijalankan bersama tokoh selama 2 jam. Temubual dijalankan secara bersemuka dan ' <i>google meet</i> ' atas faktor berbeza daerah
2.00ptg-3.00ptg	12 Jan 2021	Pensyarah mengumumkan melalui <i>whatsapp</i> iaitu	Catatan dibuat sebagai langkah

		menggantikan video <i>presentation</i> kepada artikel sebagai tugas baru.	awal untuk membuat artikel
9.00pg - 11.00mlm	28 Jan 2021	Transkrip preparation Kami membuat persediaan transkrip seperti yang diminta oleh pensyarah	Kami menyiapkan persediaan transkrip mengikut format yang ditetapkan.
3.00 petang	29 Jan 2021	Bincang tajuk artikel Kami telah berbincang mengenai tajuk-tajuk yang sesuai digunakan sebagai tajuk artikel. Sebanyak 4 tajuk telah disenaraikan dahulu sebelum ditunjukkan kepada pensyarah untuk mendapatkan persetujuan darinya.	Kami telah menyenaraikan 4 tajuk artikel dan menghantar kepada pensyarah. Pensyarah memilih salah satu daripada tajuk-tajuk yang dicadangkan.
2.00ptg-8mlm	31 Jan 2021	Menyediakan <i>research diary</i> dan menghantar audio rakaman temubual <i>Research diary</i> (diari kajian) telah disediakan yang mempunyai segala catatan mengenai aktiviti yang dilakukan oleh kami sepanjang menyiapkan transkrip. Kami menghantar audio rakaman temubual bersama tokoh, transkrip yang telah disiapkan bersama-sama dengan diari kajian.	Kami menyediakan diari kajian dengan memasukkan semua maklumat dari awal sehingga akhir proses dokumentasi transkrip dihantar. Kami menghantar audio rakaman temubual dalam bentuk mp3 dan video rakaman dalam bentuk mp4 di aplikasi <i>google classroom</i> .

9.00 malam	1 Feb 2021	<p>Pembahagian tugas</p> <p>Kami berbincang mengenai bahagian-bahagian yang perlu diletakkan didalam artikel untuk dibahagi dan menyiapkan mengikut templat yang disediakan oleh pensyarah.</p>	<p>Kami berbincang di aplikasi <i>whatsapp</i> tentang pembahagian subtopik-subtopik di dalam artikel.</p>
8.00 malam	4 Feb 2021	<p>Menghantar artikel</p> <p>Artikel yang telah disiapkan dihantar kepada pensyarah melalui <i>google classroom</i>.</p>	<p>Kami menghantar artikel yang telah disiapkan mengikut format kepada pensyarah menggunakan aplikasi <i>google form</i>.</p> <p>Kami menggunakan aplikasi <i>turnitin</i> untuk memeriksa tahap <i>plagiarism</i> di dalam artikel.</p>
10.00 pagi	8 Feb 2021	<p>Penyediaan lampiran</p> <p>Kami telah menyediakan beberapa lampiran berkaitan dengan tokoh yang perlu dimasukkan di dalam transkrip.</p>	<p>Kami memasukkan lampiran-lampiran berkenaan tokoh ke dalam transkrip lengkap</p> <p>Lampiran-lampiran tersebut diberi oleh tokoh ketika sesi temubual</p>
11.00pg- 11.00mlm	16 Feb-17 Feb 2021	<p>Transkrip yang lengkap disediakan oleh kami mengikut kepada format dan templat transkrip yang telah disediakan</p>	<p>Kami menyiapkan dan menyediakan transkrip lengkap mengikut format</p>

		oleh pensyarah.	yang telah ditetapkan.
8.00 malam	18 Feb 2021	Transkrip yang telah lengkap disediakan dihantar kepada pensyarah.	Kami menghantar transkrip yang sudah lengkap kepada pensyarah menggunakan aplikasi <i>google classroom</i> .

SENARAI SOALAN

A. LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama gelaran puan?
3. Dimanakah puan berasal?
4. Dimanakah puan menetap sekarang?
5. Dimana dan bilakah puan dilahirkan?
6. Berapakah usia puan sekarang?
7. Apakah nama ibu dan bapa puan?
8. Berapakah bilangan adik-beradik puan dan puan anak yang ke berapa?
9. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh mereka sekarang? Adakah sesiapa dalam kalangan adik-beradik puan juga menceburi dalam bidang yang sama?
10. Apakah nama suami puan dan apa pekerjaan yang dilakukannya sekarang?
11. Berapakah bilangan anak puan dan apakah pekerjaan mereka sekarang?

B. SEJARAH PENDIDIKAN

12. Dimanakah dan bilakah puan mendapat pendidikan awal?
 - nama sekolah
 - tahun bila
 - UPSR result
13. Pada waktu dahulu, puan berhasrat dan bercita-cita untuk menjadi apa?
14. Bagaimana pula sejarah pendidikan puan di sekolah menengah?
 - Nama sekolah
 - Pmr result
 - Spm result
 - Bidang apa
15. Pernahkan puan melibatkan diri dalam apa-apa acara atau program bagi mewakili sekolah?
16. Anugerah apa yang pernah puan dapat semasa di sekolah dahulu?

17. Apakah jawatan yang pernah puan sandang sewaktu di sekolah dahulu?
 - Ketua pengawas/ Pengawas sekolah/Pengawas perpustakaan/Ketua kelas/AJK Kelab
18. Bagaimana hubungan puan dengan rakan-rakan sekelas? Adakah puan mempunyai ramai kawan ketika zaman sekolah?
19. Siapakah guru kegemaran puan ketika itu? Kenapa?
20. Bagaimana pula dengan subjek kegemaran puan?
21. Memori atau pengalaman apa yang paling puan tidak dapat lupakan semasa zaman persekolahan dahulu?
22. Selepas puan menamatkan zaman persekolahan di sekolah menengah, apakah hala tuju puan selepas itu?
23. Jika diberi peluang, apakah yang puan mahu perbaiki dan memperbetulkan kesilapan semasa zaman persekolahan dahulu?
24. Di institusi manakah puan telah menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran setelah tamat zaman persekolahan?
 - Matrikulasi/Asasi/Diploma
 - Ijazah Sarjana Muda
25. Apakah kursus yang puan ikuti di peringkat institusi tinggi?
26. Bagaimana dengan kemudahan pembelajaran ketika itu? Adakah sudah banyak kemudahan infrastruktur yang canggih?
27. Adakah puan membawa kenderaan sendiri atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak universiti untuk menghadiri kelas?
28. Pada ketika itu, apakah jenis bantuan pembelajaran yang puan pernah terima?
29. Semasa puan belajar, adakah puan ada membuat kerja sambilan?
30. Sejak bila puan mula berminat untuk menyambung pelajaran dalam bidang pendidikan dan menanam minat ingin bekerja sebagai seorang pendidik?

C. PEKERJAAN AWAL

31. Apakah pekerjaan yang puan lakukan sebelum menjadi guru?
32. Berapakah usia puan ketika mula-mula menjadi seorang guru?
33. Pada ketika itu, apakah kriteria yang diperlukan seseorang untuk menjadi seorang guru?
34. Di sekolah manakah puan bermula menjadi seorang guru?
35. Sekiranya puan masih ingat, berapakah gaji yang puan terima ketika mula-mula menjadi seorang guru?
36. Apakah perasaan puan semasa pertama kali mengajar dan bergelar seorang guru?
37. Apakah persepsi orang-orang sekeliling puan ketika puan mula mula berkecimpung dalam bidang pendidikan?
38. Apakah yang puan lakukan untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru ketika itu?
39. Apakah cabaran pertama yang puan hadapi sewaktu mula-mula bergelar seorang guru?
40. Apakah subjek yang puan ajarkan?
41. Pelajar tahun atau tingkatan berapakah yang sering puan ajar?
42. Bagaimana dengan sikap dan perangai murid-murid dalam kelas?
43. Apakah nasihat atau kata-kata semangat yang sering puan kongsi kepada pelajar-pelajar?
44. Bagaimana cara pembelajaran yang sering puan amalkan didalam kelas?
45. Bagaimana dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sekolah ketika itu?
46. Apakah pandangan puan apabila ada yang mengatakan kekurangan infrastruktur mempengaruhi tahap akademik pelajar itu?
47. Tahap akademik pelajar yang kurang memuaskan juga dikatakan disebabkan oleh guru itu sendiri. Apakah pandangan puan terhadap perkara ini?
48. Sekiranya pelajar melakukan kesilapan seperti tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan, apakah tindakan yang puan lakukan?
49. Pada ketika itu, bagaimanakah penilaian pelajar dilakukan contohnya ujian penggal?
50. Apakah persepsi dan pandangan puan terhadap guru-guru pada waktu itu?
51. Pernahkah puan dan rakan-rakan sekerja pernah berlainan pendapat dalam sesuatu perkara? Apakah yang puan lakukan untuk selesaikan masalah tersebut?

D. PENGALAMAN KERJAYA

52. Berapa lamakah puan telah berada dalam bidang pendidikan?
53. Apakah keistimewaan memilih kerjaya ini berbanding kerjaya lain?
54. Apakah perasaan puan apabila diberi peluang untuk menjadi seorang guru?
55. Berapa buah sekolahkah puan pernah berkhidmat dan dimana?
56. Siapakah yang menjadi pendorong dan penyuntik semangat untuk menjadi seorang pendidik?
57. Apakah faktor lain yang menyebabkan puan melibatkan diri dalam bidang pendidikan?
58. Boleh saya tahu, sekolah manakah yang paling puan selesa dan sentiasa senang hati untuk berkhidmat?
59. Antara sekolah-sekolah tersebut, dimanakah paling lama puan berkhidmat?
60. Bilakah puan dilantik menjadi pengetua?
61. Di sekolah manakah puan pernah menjadi pengetua?
62. Apakah perasaan puan setelah terpilih untuk menjadi seorang pengetua?
63. Apakah peranan dan tanggungjawab yang perlu puan laksanakan sebagai pengetua?
64. Boleh puan kongsi apakah perbezaan yang puan rasakan selepas dilantik?
65. Apakah kursus-kursus yang perlu puan hadiri sebelum dan selepas menjadi pengetua?
66. Apakah perubahan yang puan lakukan sebagai seorang pengetua?
67. Selain jawatan pengetua, jawatan apa lagi yang puan pernah dilantik?
68. Selepas bersara daripada menjadi seorang guru, apakah pekerjaan yang puan lakukan selepas itu?
69. Bagaimanakah puan boleh terlibat dengan pekerjaan tersebut?

E. ANUGERAH

70. Puan pernah dianugerahkan Tokoh Guru Pahang. Boleh saya tahu, bila puan menerima anugerah tersebut?
71. Apakah perasaan puan apabila dipilih menerima anugerah Tokoh Guru Pahang?
72. Ketika menghadiri majlis penganugerahan tersebut, adakah puan sudah mengetahui bahawa akan menerima anugerah tersebut?
73. Apakah kriteria yang diperlukan untuk mendapat anugerah Tokoh Guru tersebut?

74. Bagaimana pula dengan reaksi keluarga puan apabila mendapat tahu puan menerima anugerah ini?
75. Apakah impak atau kesan kepada diri puan setelah menerima anugerah tersebut?
76. Bagi puan, adakah anugerah tersebut berbaloi dengan segala usaha dan pengorbanan yang telah puan bagi sepanjang karier dalam bidang pendidikan?
77. Puan juga pernah dipilih sebagai tokoh GPMS iaitu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. Boleh saya tahu, bagaimana puan terpilih untuk menjadi tokoh tersebut?
78. Pada tahun bilakah puan menerima anugerah tersebut?
79. Bagaimanakah puan boleh menyertai kelab GPMS tersebut?
80. Apakah program atau aktiviti yang sering dijalankan oleh GPMS?
81. Puan juga pernah berkhidmat di bawah Jabatan Pendidikan Pahang. Adakah sebarang anugerah yang puan terima sepanjang tempoh tersebut?
82. Nama anugerah
83. Tarikh/Tahun
84. Apakah penghargaan atau anugerah lain yang pernah diterima sepanjang penglibatan dalam bidang pendidikan?
85. Apakah pengalaman manis yang pernah dilalui sepanjang khidmat puan?

F. SUMBANGAN

86. Sebagai seorang pengetua, apakah antara sumbangan yang puan berikan?
87. Semasa bekerja di Jabatan Pendidikan Pahang, apakah sumbangan yang pernah puan berikan?
88. Selain daripada persatuan di bawah bidang pendidikan dan GPMS, apakah aktiviti-aktiviti kebajikan lain yang pernah puan terlibat dan menyumbang tenaga?

G. HARAPAN

89. Pelajar zaman sekarang lebih berani melawan, mengherdik serta ada yang berani mencederakan guru. Jadi pada pandangan puan, apakah faktor yang menyebabkan pelajar sanggup berkelakuan seperti itu?
90. Apakah tindakan yang puan lakukan ketika berdepan dengan pelajar-pelajar yang nakal seperti merosakkan harta benda sekolah?

91. Pada pendapat puan, apakah tanggungjawab dan peranan guru untuk menangani pelajar seperti ini?
92. Bagaimana pula dengan pandangan puan terhadap sesetengah ibubapa yang membela anak-anak dan mempertikaikan tindakan sekolah terhadap anak mereka?
93. Apakah pandangan puan terhadap sesetengah guru yang pilih kasih? Pernahkah perkara ini berlaku semasa sepanjang khidmat puan?
94. Bagi puan, bagaimana hal ini boleh menjejaskan pelajar?
95. Bagaimana puan memotivasikan diri untuk terus bersemangat menyumbang tenaga dan masa untuk membantu pelajar-pelajar?
96. Sekarang Malaysia sedang berada dalam tempoh PKPB, jadi apakah pandangan puan terhadap gaya pembelajaran pada waktu ini yang berkonsepkan ‘online learning’?
97. Apakah pandangan puan terhadap “Minggu Destini Siswa” yang selalu dilakukan di universiti untuk pelajar - pelajar baharu? Adakah ia merupakan sesuatu yang bermanfaat bagi pelajar-pelajar baharu untuk mengenali serba sedikit tentang universiti mereka?
98. Apakah pandangan puan terhadap pembelajaran pada zaman puan dengan sekarang?
99. Apakah prinsip hidup yang puan selalu terapkan dalam diri?
100. Sekiranya puan merupakan seorang Menteri Pendidikan, apakah yang puan akan lakukan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara kita sekarang?
101. Apakah perbezaan yang puan dapat lihat tentang sistem pendidikan dahulu dan sekarang?
102. Apa pandangan puan terhadap sesetengah masyarakat terutamanya lepasan ijazah pada masa kini yang memandang rendah terhadap bidang perguruan ini?
103. Pada pendapat puan, apakah yang dapat dilakukan untuk menarik minat mereka terhadap bidang perguruan ini?
104. Apakah harapan puan terhadap generasi pada masa sekarang?
105. Bagaimana pula nasihat yang dapat puan berikan kepada para pendidik?
106. Apakah harapan puan terhadap sistem pendidikan di Malaysia?

INDEKS

A

Agregat 6, 7
Anugerah Istana AAP 31
Anugerah Pelajar Terbaik 8
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 31, 32

B

Bahasa 11, 12, 16
Belia 22

G

Generasi 46, 47
Geografi 9, 11, 12, 16

I

Inisiatif 18

J

Jabatan Pelajaran Negeri 32

K

Kampung Langgar 3
Kampung tradisional 23
Ketua wanita 22
Konvokesyen 31

L

Lembaga Kebajikan Perempuan Islam
Daerah 33

M

Menteri Pendidikan 43, 48

N

NGO 28, 29 42

P

Pedalaman 40
Pengerak Veteran 30
Perguruan 38, 39, 44
Profesion 38, 39

Q

Qiamullail 46

S

Sastera 7
Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib 6
Sekolah Menengah Jengka 23
Sekolah Menengah Nenasi 24
Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah 22
Sinergi 9
Sistem pendidikan 43, 46
Sivik 16
Sungai Lembing 6, 22

T

Tahajud 46
Taman LKNP 3

Tesis 12

Tokoh Guru Kebangsaan 9

U

Universiti Kebangsaan Malaysia 11

Universiti Malaya 14

Y

Yayasan Pahang 13